

Laporan Tahunan

# 2015





Laporan Tahunan  
**2015**



Kementerian Pengangkutan Malaysia



# Isi Kandungan

6

UCAPAN  
YB. MENTERI  
PENGANGKUTAN

8

UCAPAN  
KETUA  
SETIAUSAHA

10

CARTA  
ORGANISASI

12

PENGURUSAN  
TERTINGGI

29

BAHAGIAN  
MARITIM

17

BAHAGIAN  
DARAT DAN  
LOGISTIK

15

LAPORAN  
PENCAPAIAN 2015

37

BAHAGIAN  
UDARA

49

BAHAGIAN  
PENGURUSAN  
SUMBER MANUSIA

55

BAHAGIAN  
PERANCANGAN  
STRATEGIK DAN  
ANTARABANGSA

73

BAHAGIAN  
PENTADBIRAN  
DAN KEWANGAN

79

BAHAGIAN  
AKAUN

117

UNIT  
KOMUNIKASI  
KORPORAT

109

UNIT  
INTEGRITI

103

BIRO SIASATAN  
KEMALANGAN  
UDARA

99

BAHAGIAN  
PENGURUSAN  
MAKLUMAT

87

BAHAGIAN  
PEMBANGUNAN

# PERUTUSAN YB. MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA



Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,

Pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan saya kerana diberi kesempatan untuk menyampaikan kata-kata aluan di dalam Laporan Tahunan Kementerian Pengangkutan Malaysia bagi tahun 2015.

Sudah semestinya tahun 2015 merupakan tahun yang penuh dengan cabaran bagi masyarakat seluruh dunia dengan ketidakpastian ekonomi global akibat penurunan mendadak harga komoditi utama dunia. Tentunya, kesan dari ketidakpastian tersebut turut dirasakan oleh negara dan kementerian ini khususnya. Namun begitu, hasil polisi yang baik melalui pelbagai program dan inisiatif yang dirangka dan dilaksanakan dapat meminimalkan kesan tersebut.

Menyingkap pencapaian kementerian dalam tahun 2015, pelbagai projek telah berjaya dilaksanakan serta mampu mengecapi beberapa kejayaan cemerlang serta membanggakan. Antara yang boleh dibanggakan termasuk buat julung kalinya, Kementerian Pengangkutan menjadi penganjur bersama *Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition (LIMA) 2015* dengan Kementerian Pertahanan. Malah saya juga begitu gembira dan berbangga apabila sekali lagi, Malaysia melakar sejarah apabila berjaya mengekalkan kerusi Ahli Majlis *International Maritime Organisation (IMO)* bagi penggal 2016-2017 untuk enam penggal berturut-turut pada pemilihan yang diadakan di Perhimpunan Agung IMO ke-29 pada bulan November 2015.

Selain daripada itu, saya amat berpuas hati dengan pencapaian prestasi kementerian dengan beberapa projek pembangunan utama kementerian yang telah dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang dijanjikan sepanjang tahun lepas. Projek-projek seperti Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Sandakan, Sabah; Lapangan Terbang Ipoh, Perak; Lapangan Terbang Sibu, Sarawak; dan Lapangan Terbang Kuantan, Pahang serta projek-projek menaiktaraf Infrastruktur Landasan Keretapi Berkembar Elektrik Di Lembah Klang (*Klang Valley Double Tracking-KVDT*) dan perkhidmatan Tren ETS dari KL Sentral ke Padang Besar sememangnya amat penting dalam usaha meningkatkan kualiti sistem perkhidmatan pengangkutan awam dalam memastikan taraf kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat terjamin.

Misalnya, bagi Projek KVDT, masa menunggu di antara kereta api dapat dikurangkan daripada 10 minit ke 7.5 minit manakala bagi Perkhidmatan Tren ETS Ekspress KL Sentral-Padang Besar pula, masa perjalanan mampu dipendekkan kepada 5 jam 30 minit berbanding 12 jam sebelum ini. Ini semua adalah selaras dengan moto dan slogan 1Malaysia "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

Kejayaan demi kejayaan terus melakar kecemerlangan kementerian dalam tahun 2015 di kesemua sektor. Berdasarkan maklumat daripada *Containerisation International*, untuk tahun 2015, Pelabuhan Klang naik satu anak tangga dan kini berada di tangga ke-12 dalam liga pelabuhan kontena dunia manakala Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) turut meningkat ke tangga ke-17 daripada 18 pada 2014. Ini sememangnya selaras dengan dasar kerajaan untuk menjadikan Pelabuhan Klang sebagai pusat pemunggahan negara dan PTP sebagai pusat *transshipment* negara.

Sungguhpun industri penerbangan negara dilanda ujian getir pada tahun 2014 dan 2015, namun begitu pergerakan penumpang di lapangan terbang negara merekodkan pertumbuhan positif yang memberangsangkan dengan sejumlah 86.4 juta penumpang direkod pada tahun 2015. Malah, pergerakan pesawat juga turut meningkat hampir 3% pada tahun 2015 berbanding tahun lalu. Tambahan lagi, pada tahun 2015, beberapa laluan baru telah diperkenalkan oleh syarikat-syarikat penerbangan tempatan termasuk Kuala Lumpur – Perth yang

dikendalikan oleh Malindo Air serta laluan Langkawi – Guangzhou yang dioperasikan oleh Air Asia.

Kesemua kejayaan dan pencapaian ini tidak mungkin dapat dicapai tanpa semangat dan budaya kerja cemerlang yang dipamerkan oleh warga kementerian dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka seiring dengan misi dan visi kementerian bagi memastikan sistem pengangkutan pelbagai mod bertaraf dunia yang cekap, bersepadu, selamat, mampan dan mesra pengguna.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Kementerian Pengangkutan di atas segala usaha dan perancangan dalam menerbitkan Laporan Tahunan Kementerian Pengangkutan tahun 2015 bagi memberi gambaran menyeluruh fungsi, tugas dan pencapaian kementerian sepanjang tahun.

Melangkah ke tahun 2016, besar harapan saya agar kementerian pengangkutan kekal efisien dalam menyediakan perkhidmatan unggul terbaik untuk kesejahteraan rakyat dengan perancangan pelbagai projek yang dirangka untuk dilaksanakan.

Tahun 2016 juga akan memperlihatkan Kementerian ini sekali lagi bertanding bagi mengekalkan kerusi Ahli Majlis ICAO yang akan dipertandingkan semasa Perhimpunan Agung International *Civil Aviation Organisation (ICAO)* sesi ke-39 yang dijangka akan diadakan pada September 2016. Oleh yang demikian, Kementerian Pengangkutan punya tugas berat yang amat besar dalam memastikan nama Malaysia terus harum dipersada antarabangsa serta memastikan sistem pengangkutan awam negara berada di tahap yang amat baik bagi memenuhi keperluan rakyat.

Semoga dengan sokongan padu dan iltizam warga Kementerian, tahun 2016 akan memberi kejayaan yang lebih cemerlang dan membanggakan buat kementerian dan negara kita.

Selamat Maju Jaya.

## **YB. Dato' Sri Liow Tiong Lai**

Menteri Pengangkutan Malaysia  
Kementerian Pengangkutan Malaysia

## PERUTUSAN

# KETUA SETIAUSAHA MALAYSIA



Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh,

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana Laporan Tahunan 2015 Kementerian Pengangkutan ini dapat diterbitkan dengan jayanya. Penerbitan ini sudah tentu akan memberi peluang kepada masyarakat awam untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang dasar, program, aktiviti, inisiatif serta pencapaian Kementerian Pengangkutan sepanjang tahun. Penerbitan ini juga merupakan satu platform untuk rakyat mengenali dengan lebih lanjut fungsi dan peranan Kementerian Pengangkutan.

Sistem pengangkutan yang efisien merupakan antara elemen terpenting dalam memastikan perjalanan pembangunan sesebuah negara yang mampan. Dalam menuju aspirasi untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020, Kementerian Pengangkutan terus berusaha bagi memantapkan

sistem pengangkutan melalui pelbagai program transformasi untuk mewujudkan satu rangkaian sistem pengangkutan yang bersepadu, cekap, efisien, selamat dan mesra pengguna.

Dalam hal ini, penglibatan Kementerian dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP) di bawah Pengangkutan Awam Bandar yang merupakan salah satu daripada Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) terus dirancakkan dengan pelbagai projek dan inisiatif yang akan memberi manfaat kepada rakyat selaras dengan NKRA Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar (UPT).

Justeru itu, pelbagai projek infrastruktur pengangkutan awam berskala besar telah mula dirancang dan dilaksanakan bagi meningkatkan



kapasiti rangkaian pengangkutan awam dalam negara terutamanya dari aspek peningkatan kecekapan perkhidmatan sedia ada. Antaranya termasuk kemudahan pertukaran stesen yang telah dibina untuk menyediakan pemindahan yang lancar di antara aliran rel yang berlainan. Selain itu, beberapa kemudahan *Park 'n' Ride* di beberapa lokasi utama yang menyediakan sehingga 10,000 ruang letak kereta turut dibina bagi memenuhi matlamat untuk memudahkan kesalinghubungan awal perjalanan (*first mile*).

Selain daripada itu, Kerajaan juga turut menitikberatkan kemajuan dan pembangunan perkhidmatan industri maritim serta penerbangan dalam menyediakan rangkaian kemudahan pengangkutan dan hubungan perdagangan antarabangsa yang lebih bersepadu dan terangkum. Pelbagai inisiatif, aktiviti dan program dirangka sepanjang 2015 selain daripada beberapa penambahbaikan dan kerja-kerja menaik taraf pelabuhan dan lapangan terbang bagi keselesaan pengguna dan kemudahan fasiliti bagi kelicinan industri logistik juga turut dilaksanakan.

Bagi warga kementerian pula, tahun 2015 merupakan tahun yang begitu padat dengan pelbagai program dan aktiviti yang melibatkan kementerian. Ini termasuk pelbagai program dan aktiviti dirancang dan dilaksanakan khusus buat warga kementerian sepanjang tahun menerusi aktiviti-aktiviti Kelab Sukan dan Kebajikan Kementerian Pengangkutan (KSKKP) dan Pusanita.

Akhir kata, diharapkan segala usaha, inisiatif dan aktiviti yang dijalankan oleh kementerian sepanjang tahun 2015 memberikan impak positif dalam menyumbang kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara. Adalah diharapkan juga agar pencapaian-pencapaian yang dikecapi oleh kementerian dapat dikekalkan dan dipertingkatkan pada tahun-tahun akan datang.

Di kesempatan ini juga saya ingin sekali lagi merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada pasukan yang telah bertungkus lumus dalam menjayakan penerbitan Laporan Tahunan Kementerian Pengangkutan bagi tahun 2015. Semoga Kementerian Pengangkutan terus cemerlang dan menjadi kementerian contoh pada tahun 2065 dan tahun-tahun berikutnya.


Sekian, Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh

**YBhg. Dato' Sri Dr. Ismail bin Haji Bakar**

Ketua Setiausaha

Kementerian Pengangkutan Malaysia

**CARTA ORGANISASI**  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA



AFETERIA



# PENGURUSAN TERTINGGI

## KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA





**LAPORAN  
PENCAPAIAN  
2015**








# BAHAGIAN DARAT DAN LOGISTIK

---



# BAHAGIAN DARAT DAN LOGISTIK

Infrastruktur pengangkutan yang mampan pasti akan memberi kesan yang positif ke atas daya saing dan produktiviti rakyat serta pendapatan dan peluang pekerjaan. Kerajaan sentiasa sedar akan tanggungjawabnya bagi meningkatkan sistem pengangkutan awam yang cekap dan efisien, selaras dengan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP).

## Latar Belakang


Seiring dengan aspirasi kerajaan bagi mencapai status negara maju berpendapatan tinggi, Malaysia kini berada di puncak dalam memperkasa ekosistem pengangkutan negara terutama di kawasan bandar-bandar utama. Pelbagai projek infrastruktur untuk kepentingan masa hadapan telah mula dilaksanakan dan sebahagian daripadanya dijangka akan mula beroperasi pada tahun 2016.

Infrastruktur pengangkutan yang mampan pasti akan memberi kesan yang positif ke atas daya saing dan produktiviti rakyat serta pendapatan dan peluang pekerjaan. Kerajaan sentiasa sedar akan tanggungjawabnya bagi meningkatkan sistem pengangkutan awam yang cekap dan efisien, selaras dengan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP).

Program seumpama ini adalah penting bagi menyampaikan perkhidmatan pengangkutan awam yang cekap, kos efektif, boleh dipercayai, selesa dan selamat kepada rakyat. Dengan itu, kita akan dapat menggalakkan penggunaan pengangkutan awam sebagai medium utama perjalanan untuk rakyat, terutamanya apabila berulang-alik di lokasi berkepadatan tinggi seperti kawasan *Greater Kuala Lumpur (GKL)*.

Meningkatkan ekosistem pengangkutan awam juga akan membantu dalam mengurangkan kesesakan lalu lintas. Ini juga dapat mengurangkan kos kesesakan trafik yang dianggarkan berjumlah kira-kira 1.1% hingga 2.2% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia bagi tahun 2014. (Sumber: <http://www.worldbank.org/en/country/malaysia/publication/malaysia-economic-monitor-Jun-2015>)

Urban transport modal share in selected world cities (2011), percent



Congestion costs amount to 1.1-2.2 percent of GDP

Type of cost	Annual monetary cost (RM billion)	Cost (% of 2014 GDP)
Delays	10.8 – 19.6	1.0 – 1.8
Fuel	0.9 – 2.4	0.1 – 0.2
CO2 and other emissions	0.9 – 2.7	0.1 – 0.2
<b>Total</b>	<b>12.7 – 24.7</b>	<b>1.1 – 2.2</b>

## Meningkatkan kecekapan pengangkutan awam

Dalam melangkah ke Wawasan 2020, kerja-kerja penambahbaikan sistem pengangkutan awam bertaraf dunia sedang giat dilaksanakan bagi memastikan negara lengkap dengan sistem transit awam yang cekap dan mudah diakses.

Pelancaran projek-projek seperti sambungan jajaran LRT (*LRT Line Extension Project, LEP*) Fasa 1 dan *Bas Rapid Transit Laluan Sunway (BRT Sunway Line)* pada 2015 misalnya kini telah berjaya meningkatkan bilangan penumpang kepada 200,000 setiap hari.

Prestasi ketetapan masa, kecekapan perjalanan, jajaran dan keselesaan perkhidmatan merupakan antara faktor yang mempengaruhi kepuasan

penumpang yang menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam ini. Tinjauan kepuasan penumpang yang dijalankan oleh pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) pada 2015 menunjukkan indeks kepuasan di kalangan penumpang telah melonjak kepada 74 peratus daripada 48 peratus pada tahun 2010\*.


Keyakinan rakyat ini adalah disebabkan oleh peningkatan perkhidmatan rel iaitu KTM, LRT dan ERL. Ini dijangka akan bertambah baik sejurus semua projek-projek LEP, penaiktarafan Monorel dan BRT KL-Klang dilaksanakan. Tambahan lagi, pelancaran aliran LEP – aliran Kelana Jaya dan Seri Petaling ke Putra Heights yang akan siap dan beroperasi sepenuhnya pada 2016 akan memberi impak positif kepada lanskap bandar yang terbabit serta menjadi pilihan utama mobiliti rakyat.



(Sumber : laman sesawang SPAD )

Perkhidmatan rel merupakan alternatif yang lebih mudah dan kos efektif berbanding pengangkutan persendirian di samping memberi keselesaan dan menjamin keselamatan serta ianya dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas terutama di kawasan bandar-bandar utama negara. Selain daripada itu, faktor sistem pertukaran dan

sambungan antara perkhidmatan rel yang pelbagai merupakan antara penyumbang kepada peningkatan kepuasan penumpang. Ini dapat dilihat melalui integrasi penjualan tiket standard dan sistem kutipan tambang automatik (AFC) yang sedang dinaiktaraf dan dijangka siap pada tahun 2016.



Pengenalan 38 tren enam gerabak yang baharu dalam perkhidmatan KTM Komuter sejak Mac 2012, peningkatan pada kekerapan waktu puncak LRT sejak tahun 2014 dan kapasiti tambahan menerusi projek menaik taraf KL Monorel yang sedang dilaksanakan memperlihatkan peningkatan kepada permintaan pengangkutan awam terutama di kawasan bandar di Lembah Klang.

Penumpang kini dapat menikmati peningkatan *headway* daripada 30-45 minit kepada hanya 15 minit bagi KTM Komuter bagi tahun 2015, dengan prestasi ketepatan masa pada waktu puncak pagi adalah sebanyak 95 peratus dan perkhidmatan LRT dengan kekerapan setiap tiga minit semasa waktu puncak. Tambahan lagi, melalui Projek Naik Taraf Landasan Berkembar Lembah Klang (KVDT) yang dirancang untuk dilaksanakan pada 2016 akan meningkatkan *headway* dari 15 minit pada ketika ini kepada hanya 7.5 minit setelah ianya siap sepenuhnya dalam tahun 2019.

Tahun 2015 juga membuka satu lagi lembaran baru bagi perkhidmatan pengangkutan awam di Malaysia dengan penambahan sebanyak 10 set keretapi baru bagi Perkhidmatan *Electric Train Services (ETS)* beserta pelanjutan perjalanan yang diperkenalkan oleh KTMB sehingga ke Padang Besar. Perkhidmatan ETS dilancarkan pada 2010 antara Ipoh dan Seremban dengan menggunakan lima (5) keretapi elektrik, kini

Perkhidmatan ETS telah beroperasi sepenuhnya dari Gemas ke Padang Besar di landasan berkembar elektrik yang telah siap sepenuhnya tahun 2014.

ETS pada masa ini menawarkan 32 perkhidmatan sehari bagi kategori *Platinum*, *Gold* dan *Silver* di mana jumlah perkhidmatan telah ditambah secara berperingkat mulai Julai 2015 sehingga awal 2016. Dengan kelajuan maksima 140km/j, kini penumpang dapat menikmati perkhidmatan tren bertaraf antarabangsa yang menjanjikan keselesaan, peningkatan keselamatan serta penjimatan masa perjalanan. Misalnya, perjalanan dari KL Sentral ke Padang Besar hanya mengambil masa kurang dari 6 jam berbanding pengangkutan jalan raya.

Selain itu, usaha ke arah pertumbuhan mobiliti antara wilayah sedang giat dilaksanakan melalui cadangan pembinaan Kereta Api Berkelajuan Tinggi KL-Singapura (*High Speed Rail*). HSR akan menyambung 5 hentian perantaraan dari Malaysia ke Singapura dengan anggaran masa perjalanan hanya 90 minit. Ini akan mewujudkan dan membuka pelbagai peluang untuk integrasi ekonomi bagi kedua-dua negara.

Melalui inisiatif dan langkah-langkah ini, kerajaan yakin bahawa 40% perancangan pengangkutan awam seperti yang direncanakan dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11) pada tahun 2020 akan tercapai.



### Pembangunan infrastruktur pengangkutan awam yang mampan

Menyedari hakikat bahawa sebuah negara yang sedang pesat membangun memerlukan jaringan pengangkutan yang efisien telah mendorong usaha mentransformasikan sistem pengangkutan awam negara setaraf dengan negara-negara maju di dunia. Pelbagai langkah dan projek sedang giat dijalankan untuk meningkatkan kesalinghubungan dan

ketercapaian, dengan tumpuan kepada permintaan pengangkutan awam bagi memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat selain memastikan kepuasan penumpang.

Justeru itu, pelbagai projek infrastruktur pengangkutan awam berskala besar telah mula dirancang dan dilaksanakan bagi meningkatkan kapasiti rangkaian pengangkutan awam dalam negara terutamanya dari aspek peningkatan


kecekapan perkhidmatan sedia ada. Semua ini bagi mewujudkan sebuah ekosistem pengangkutan awam yang lebih mampan, menarik serta efisien dan dengan itu kesesakan lalu lintas secara keseluruhan dapat dikurangkan terutama di kawasan sekitar Lembah Klang.

Antaranya termasuk kemudahan pertukaran stesen yang telah dibina untuk menyediakan pemindahan yang lancar di antara aliran rel yang berlainan. Selain itu, beberapa kemudahan *Park 'n' Ride* di beberapa lokasi utama yang menyediakan sehingga 10,000 ruang letak kereta turut dibina bagi memenuhi matlamat untuk memudahkan kesalinghubungan awal perjalanan (*first mile*).

Dalam hal yang sama, projek penyusunan semula Rangkaian Bas Henti-henti Lembah Klang telah dilancarkan pada Disember 2015 oleh SPAD mensasarkan penaiktarafan perkhidmatan bas yang kurang sekata pada masa ini disebabkan kekerapan yang tidak dapat diramalkan. Malah, kadang kala terdapat perkhidmatan yang dibatalkan tanpa makluman, terutamanya di kawasan permintaan rendah. Maka, inisiatif ini bertujuan menyediakan perkhidmatan kepada 241 laluan berbanding dengan

182 laluan sebelum pelaksanaannya. Dengan ini, penumpang bakal menikmati kawasan liputan dan ketercapaian yang lebih luas hasil daripada rangkaian perkhidmatan bas henti-henti ini.

Bagi menyokong inisiatif tersebut, Kementerian Pengangkutan telah melaksanakan pembinaan Hentian Akhir Bandar (HAB) yang merupakan salah satu inisiatif di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bertujuan untuk meningkatkan peratus penggunaan pengangkutan awam berbanding pengangkutan persendirian. Pembinaan HAB di Jalan PJS 3/2, Petaling Jaya telah siap dibina pada 18 Mei 2015. Ia merupakan komitmen kerajaan kepada rakyat untuk menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam, khususnya perkhidmatan bas henti-henti. Pembinaan HAB di Jalan PJS 3/2 ini juga dilengkapi dengan pelbagai kemudahan bagi memberi keselesaan dan kesejahteraan kepada rakyat apabila menggunakan pengangkutan awam seperti ruang menunggu bas, ruang pejabat operasi bas, tandas awam serta tandas OKU, ruang kiosk, laluan pejalan kaki di kawasan sekitar, laluan pejalan kaki berbumbung dan lintasan pejalan kaki ke bangunan HAB.





Bagi mengurangkan kesesakan kawasan pusat bandar KL daripada bas-bas ekspres yang datang dari pelbagai lokasi di Semenanjung Malaysia, Kerajaan telah memperkenalkan konsep Terminal Bersepadu Pengangkutan (ITT). Terminal Bersepadu di Bandar Tasik Selatan (BTS) merupakan ITT pertama yang dibina dan telah mula beroperasi pada tahun 2011 khusus untuk bas yang datang dari selatan.

Bagi meningkatkan lagi integrasi antara bandar melalui pengangkutan awam khususnya perkhidmatan bas, ITT kedua di Gombak di jangka

akan mula dibina pada pertengahan tahun 2016. ITT Gombak ini akan menerima bas-bas dari laluan pantai timur yang masuk ke pusat bandar KL. Dianggarkan setelah siap, sejumlah 400 buah bas laluan tersebut akan dipindahkan dari terminal Hentian Pudu dan Pekeliling ke ITT Gombak. Lokasi ITT Gombak dipilih berdasarkan kebolehcapaian dan akses kepada berbilang mod yang mudah, terutamanya ke stesen LRT Gombak. Sebuah lagi ITT dirancang untuk dibina di Sungai Buloh bagi perkhidmatan bas laluan ke Utara.






Sebagai kerajaan yang prihatin kepada pembangunan negara, sejumlah besar telah diperuntukkan bagi usaha mempertingkatkan dan menambahbaik jaringan pengangkutan awam dalam negara terutamanya bagi sektor rel. Ini terbukti dengan projek-projek seperti landasan berkembar elektrik Ipoh – Padang Besar sepanjang 329km dan Seremban – Gemas sepanjang 98km yang telah siap sepenuhnya masing-masing pada tahun 2013 dan 2014 manakala bagi jajaran Gemas – Johor Bahru sepanjang 197km pula dijangka akan mula dibina pada penghujung tahun 2016 dan siap pada tahun 2020.

Pembangunan projek ini telah dijalankan dengan mengambil kira faktor kesediaan perkhidmatan tren bagi masa kini dan masa depan agar setanding dengan kemudahan seumpamanya di negara-negara maju dunia. Ini jelas terbukti dengan pelaksanaan projek yang telah mensasarkan pemodenan infrastruktur perkeretapian di mana hadlaju rekabentuk dapat

memenuhi keperluan bagi keretapi berkelajuan 160km/j dan hadlaju operasi sehingga 140km/j.

Selain daripada itu, dalam memastikan kecekapan pengangkutan awam dapat dipertingkatkan, Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan akan melaksanakan Projek Naik Taraf Landasan Berkembar Lembah Klang (KVDT) yang dijangka akan mula dibina pada pertengahan tahun 2016. Projek ini, setelah selesai akan dapat mengurangkan masa menunggu perkhidmatan komuter kepada 7.5 minit berbanding 15 minit pada waktu ini. Projek KVDT ini akan dioperasikan secara berperingkat bermula pada awal suku ketiga 2016, dan dijangka siap pada 2019. Projek ini meliputi kerja membaik pulih landasan dengan jarak 42km dari Rawang ke Salak Selatan. Selain itu, projek ini akan menaik taraf 16 stesen di sepanjang laluan ini termasuk sistem persembayanan dan eletrifikasi sedia ada.





Sesungguhnya dalam usaha berterusan kerajaan untuk mempertingkatkan kualiti pengangkutan awam dalam negara, sudah semstinya terdapat berbagai-bagai cabaran untuk mencapai aspirasi murni ini. Kerjasama yang lebih erat antara badan-badan Kerajaan dan badan bukan Kerajaan dalam ekosistem pengangkutan awam amatlah penting dalam memastikan manfaat dan faedah kesemua inisiatif ini dapat dirasai oleh rakyat.

## Mempertingkatkan pelaksanaan sistem penguatkuasaan

### *Kutipan Caj Jalan (RC) dan Vehicle Entry Permit (VEP)*

Selain daripada aspek peningkatan rangkaian pengangkutan awam, Kementerian Pengangkutan juga memberi perhatian kepada aspek penguatkuasaan yang melibatkan sistem pengangkutan terutama pengangkutan darat.

Bagi tujuan tersebut, kerajaan memperkenalkan *Vehicle Entry Permit (VEP)* dan kutipan Caj Jalan (RC). Tujuan pendaftaran ni adalah untuk merekodkan maklumat kenderaan dan pemilik berpendaftaran asing yang merentasi sempadan.

Selain daripada itu, semua kenderaan persendirian berpendaftaran asing adalah tertakluk kepada bayaran caj jalan (RC) sebanyak RM20 untuk setiap kemasukan.

VEP dan RC ini akan dikuatkuasakan secara berperingkat-peringkat di mana fasa pertama melibatkan kenderaan berpendaftaran asing yang memasuki sempadan Malaysia-Singapura dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2016.

Pelaksanaan VEP ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan oleh Kerajaan Malaysia untuk meningkatkan pengawasan dan kawalan di sempadan, serta pengumpulan data kenderaan yang komprehensif di setiap pintu masuk negara untuk kegunaan perancangan, pengurusan strategik dan penguatkuasaan.

Selain itu, VEP juga akan dapat memantapkan elemen penguatkuasaan dengan memastikan penyelesaian saman tertunggak terhadap kenderaan asing selain menangani masalah kenderaan klon dan lambakan kenderaan asing yang berada di negara kita.

Buat masa ini, kerja-kerja pembinaan dan pembangunan sistem sedang dijalankan di Bangunan Sultan Iskandar dan Kompleks Sultan Abu Bakar.

## Logistik

### Pelan Induk Logistik dan Fasilitasi Perdagangan

Pelan Induk Logistik dan Fasilitasi Perdagangan telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 16 Mac 2015. Pelan Induk ini telah diwujudkan dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bersama dengan pelbagai Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Sehubungan dengan itu, YB Menteri Pengangkutan juga telah dilantik sebagai Pengerusi bagi Pasukan Petugas Logistik dan Fasilitasi Perdagangan.


Pasukan ini akan memastikan segala pelan tindakan yang digariskan dalam Pelan Induk ini dapat dilaksanakan dengan baik. Pasukan petugas ini juga akan memastikan supaya semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan dapat memberikan komitmen yang penuh terhadap pelaksanaan pelan tindakan ini.

#### i. Teras Strategik:

Pelaksanaan pelan induk berdasarkan lima (5) halatuju strategik:

- a. Memperkukuhkan rangkakerja institusi dan peraturan berkaitan logistik;
- b. Membangunkan infrastruktur dan permintaan fret;
- c. Memperkukuhkan mekanisma fasilitasi perdagangan;
- d. Memperkukuhkan teknologi dan modal insan; dan
- e. Mengantarabangsakan industri dan perkhidmatan logistik

Pelaksanaan pelan induk dalam 3 fasa dan 21 pelan tindakan:



**ii. Objektif:**

- a. Untuk membangunkan strategi dan agenda tindakan bagi membantu meningkatkan daya saing sektor logistik;
- b. Untuk membangunkan sektor logistik sebagai sumber pertumbuhan baru; dan
- c. Untuk meletakkan Malaysia sebagai hub serantau untuk logistik.

**iii. KPI:**

- a. Meningkatkan sumbangan sub-sektor pengangkutan dan penyimpanan/ pergudangan subsektor kepada KDNK/ GDP Negara kepada 4.3% ( RM50.8 bilion) menjelang 2020 berbanding 3.6% (2014);
- b. Meningkatkan kadar pertumbuhan jumlah kargo kepada 8% setiap tahun sehingga mencapai 880 juta tan metrik menjelang 2020; dan
- c. Menjana 146,000 pekerjaan baharu menjelang 2020

**iv. Matlamat Utama Pelan Tersebut:**

Visi sektor logistik seperti berikut:  
 “Memperkukuh kedudukan Malaysia di rantau Asia sebagai pintu masuk utama logistik dengan menggabungkan infrastruktur berkualiti dengan rangkaian dan perkhidmatan yang terbaik bagi mewujudkan perkhidmatan logistik yang cekap dan kompetitif. ”

Lampiran: *National Logistics & Trade Facilitation Master Plan Executive Summary*







BAHAGIAN **MARITIM**

---

# BAHAGIAN MARITIM

Kedudukan Malaysia yang strategik juga memberi kelebihan kepada sektor pengangkutan maritim. Selat Melaka merupakan laluan perairan yang penting bagi perkapalan antarabangsa dan juga merupakan salah satu laluan paling aktif di dunia dengan lebih 25% daripada perdagangan global melalui perairan tersebut, selain lebih 80,000 buah kapal menjadikannya sebagai laluan transit setiap tahun.

## Latar Belakang

Industri maritim merupakan salah satu sektor yang penting dalam ekonomi Malaysia. Ia bagaikan nadi pembangunan ekonomi negara kerana mengandungi pelbagai khazanah sumber alam seperti perikanan, petroleum dan sebagainya. Di samping itu, aktiviti ekonomi lain turut sama berkembang menerusi sektor ini antaranya perkhidmatan, pembuatan dan pembekalan selari dengan kepesatan kemajuan negara.

Selain daripada itu, kedudukan Malaysia yang strategik juga memberi kelebihan kepada sektor pengangkutan maritim. Selat Melaka merupakan laluan perairan yang penting bagi perkapalan antarabangsa dan juga merupakan salah satu laluan paling aktif di dunia dengan lebih 25% daripada perdagangan global melalui perairan tersebut, selain lebih 80,000 buah kapal menjadikannya sebagai laluan transit setiap tahun. Dengan perkembangan pesat rantau ini, sektor maritim mempunyai peranan yang amat penting. Namun demikian, peningkatan jaringan sektor maritim perlulah bergerak seiring dengan ekosistem yang selamat dengan alam sekitar yang mampan.

Perkembangan ekonomi negara bergantung kepada sektor pengangkutan maritim kerana industri perkapalan turut menyumbang terhadap import eksport dagangan. Pelbagai barang dagangan dapat diangkut dalam kuantiti yang besar melalui jalan laut dengan menggunakan kapal-kapal dagang dengan


kos yang paling efektif dan mesra alam berbanding mod pengangkutan yang lain dan seterusnya singgah di pelabuhan-pelabuhan negara. Oleh itu tahap kecekapan dan kapasiti pelabuhan-pelabuhan berkenaan perlu dipertingkatkan kerana ia merupakan pintu keluar-masuk yang penting dalam perdagangan antarabangsa.

Dalam pada itu, bagi menjamin kecekapan pengangkutan maritim negara, sistem pelayaran yang efisien, berkesan dan selamat perlu dipertingkatkan. Oleh itu, pelbagai langkah yang berterusan telah diambil antaranya dengan penganjuran kursus berkaitan keselamatan pelayaran, melaksanakan tindakan melawan tumpahan minyak daripada kapal bagi mengelakkan kesan pencemaran kepada alam sekitar serta memastikan tahap kecekapan pelaut-pelaut tempatan berada pada tahap yang ditetapkan oleh badan antarabangsa yang berkaitan. Malaysia juga turut memainkan peranan yang penting dalam memastikan keselamatan Selat serta memastikan alam persekitaran marin di perairan tersebut sentiasa terpelihara.

Selain daripada itu, aktiviti pelancongan yang menggunakan kapal persiaran juga turut disokong bagi menggalakkan kedatangan pelancong-pelancong luar ke negara kita. Berdasarkan aktiviti pelancongan tersebut ia sekaligus dapat menarik dan mempromosikan mercu tanda yang menjadi daya tarikan pelancong asing untuk datang menerokai serta berbelanja di Malaysia.

# TOP 30 CONTAINER PORTS in teu

Containerisation International's latest survey of the globe's top 30 ports reveals that in 2015, a total of approximately 368m teu was handled, an increase of 0.7% on 2014's results.



Sources: Dynamar, Port Authorities, Government Agencies & terminal operating companies  
\*Data provided by the Shanghai International Shipping Institute

## Pencapaian pelabuhan negara


Hari ini, negara kita tersenarai dalam kedudukan 30 negara teratas dari segi *fleet* perkapalan dengan jumlah keseluruhan tanan kasar sebanyak 7.16 juta tan dan lebih 50,000 tenaga pelaut. Selain itu, dua (2) pelabuhan negara iaitu Pelabuhan Kelang dan PTP telah berjaya tersenarai dalam kedudukan 20 negara teratas pelabuhan kontena tersibuk di dunia dari segi jumlah kendalian kontena sejak lebih 10 tahun lalu. Berdasarkan maklumat daripada *Containerisation International*, bagi tahun 2015, Pelabuhan Kelang mengekalkan kedudukan di tangga ke-12 seperti pada tahun 2014. Sementara itu, PTP meningkat ke tangga ke-17 berbanding di tangga ke-18 pada tahun 2014.

Memandangkan pelabuhan-pelabuhan utama di Malaysia merupakan pintu masuk utama bagi perdagangan antarabangsa, adalah penting supaya kapasiti dan kemudahan-kemudahan di pelabuhan dipertingkatkan dari semasa ke semasa untuk meningkatkan daya saing pelabuhan. Bagi menampung peningkatan jumlah kargo dan bilangan kapal, terdapat pelbagai program dan perancangan untuk meningkatkan kapasiti dan prestasi pelabuhan-pelabuhan di Malaysia. Selain

daripada projek pembesaran dan penaiktarafan, pelabuhan-pelabuhan juga membuat perolehan kelengkapan pelabuhan dengan peralatan dan sistem pelabuhan yang berteknologi tinggi bagi meningkatkan kecekapan operasi pelabuhan masing-masing.

## Maritime Silk Road

Di bawah inisiatif *21st Century Maritime Silk Road*, Kementerian Pengangkutan Malaysia telah mengambil langkah proaktif seiring dengan objektif inisiatif terbabit dengan menubuhkan *Port Alliance* antara enam (6) Pelabuhan Persekutuan di Malaysia, iaitu Lembaga Pelabuhan Bintulu, Lembaga Pelabuhan Johor, Lembaga Pelabuhan Kuantan, Lembaga Pelabuhan Melaka, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan Lembaga Pelabuhan Kelang dengan sepuluh (10) Pelabuhan Negara China, iaitu Beibuwan Port Administration Bureau, Fijuan Fuzhou Port Authority, Guangzhou Port Authority, Jiangsu Taicang Port Management Committee, Ningbo Port Company Limited, Port of Dalian Authority, Ports Administration of Shenzhen Municipality, Port & Shipping Authority of Haikou City, Shanghai International Port Group Co., Ltd Xiamen Port Authority.



Pada 23 November 2015, satu memorandum persefahaman (MoU) antara Perikatan Pelabuhan Malaysia dan *China Port Alliance* telah ditandatangani oleh Menteri Pengangkutan Malaysia YB Dato' Sri Liow Tiong Lai dan rakan sejawatannya dari China, Tuan Yang Terutama Yang Chuantang. Majlis itu disaksikan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Najib Tun Razak dan Perdana Menteri China, Tuan Yang Terutama Li Keqiang.

Skop MoU ini termasuk kajian pelabuhan, latihan dan perantis, bantuan teknikal, pembangunan trafik dan perkhidmatan promosi.

Sebagai susulan kepada inisiatif ekonomi Negara China "*One Belt, One Road*," sebuah forum bertajuk "*Enhancing the 21st Century Maritime Silk Road through Malaysia*" anjuran Perikatan Pelabuhan Malaysia telah diadakan pada 14-16 Disember 2015. Forum ini bertujuan untuk menjadi platform strategik untuk memupuk hubungan yang lebih erat antara negara-negara ASEAN dan juga di antara China dan Malaysia.



## Pencalonan semula Malaysia menduduki kerusi Ahli Majlis Kategori C, *International Maritime Organization (IMO)* bagi penggal 2016 – 2017

Malaysia telah berjaya menduduki semula kerusi Ahli Majlis Kategori C, *International Maritime Organization (IMO)* bagi penggal 2016 – 2017 sewaktu pemilihan di Mesyuarat Perhimpunan Agung IMO, London pada 27 November 2015. Ini adalah kejayaan kali ke-6 Malaysia mengekalkan kedudukan sebagai Ahli Majlis Kategori C sejak tahun 2006 sehingga kini.

Kejayaan ini membolehkan Malaysia untuk terus memainkan peranan aktif sebagai Ahli Majlis dalam menyumbang ke arah pembangunan modal insan dan pemindahan teknologi melalui MoU kerjasama *Integrated Technical Co-operation Program (ITCP)* yang telah ditandatangani bersama IMO pada 28 November 2013. Selain itu sebagai Ahli Majlis, Malaysia dapat melibatkan diri dalam inisiatif keselamatan pelayaran dan penjagaan alam sekitar marin serantau di Selat Melaka, serta mempunyai suara dalam mempertahankan kepentingan negara dalam isu berkaitan sektor maritim negara.



## Penganjuran Program di bawah ITCP

Selain kursus secara teknikal dan ilmiah, Kementerian Pengangkutan turut mengadakan program berbentuk latihan amali atau *hands-on job training* kepada peserta dari negara membangun khususnya dari negara kepulauan.

Dengan kerjasama Lembaga Pelabuhan Klang, Northport Berhad dan Westports Sdn Bhd telah menganjurkan program sangkut di pelabuhan yang telah diadakan dari 20 hingga 24 April 2016 yang disertai peserta dari negara Gambia, Ghana, Maldives dan Peru. Sepanjang kursus, peserta didedahkan dengan pengurusan dan operasi pelabuhan, perancangan dan pengendalian logistik dan kontena, serta pengoperasian marin.

Malah, Kementerian Pengangkutan juga turut menjalin kerjasama dengan IMO dalam penganjuran *IMO Regional Seminar on ISPS Code Training and Maritime Security* yang telah berlangsung dari 27 hingga 31 Julai 2015 dan telah dihadiri seramai 42 orang peserta tempatan serta peserta dari negara ASEAN, Azerbaijan, Mongolia, Papua New Guinea, Samoa, Tunisia, Timor Leste dan Vanuatu.

Seminar ini membincangkan topik berhubung bidang pegawai fasiliti pelabuhan yang bertanggung jawab ke atas tugas keselamatan pelabuhan seperti yang terkandung di dalam peraturan *International Ship and Port Facility (ISPS) Code*.

Kementerian Pengangkutan, dengan kerjasama IMO juga telah menganjurkan satu program latihan '*National Training Course On Flag State Implementation (FSI), Port State Control (PSC) And Implementation Of International Maritime Organization (IMO) Instruments*', pada 14 hingga 18 September 2015 di Dili, Timor Leste.

PSC merupakan satu mekanisme pemeriksaan kapal yang memasuki pelabuhan sesebuah negara bagi mengenal pasti tahap kekompetenan pelaut, keadaan kapal, peralatan-peralatan pada kapal dan pengoperasian kapal secara keseluruhan sama ada memenuhi keperluan konvensyen antarabangsa.

Selain daripada itu, satu program latihan '*Hazard Exercise On Enhancement Of Safety Of Passenger Ships Engaged In Domestic Services* juga telah

dianjurkan dari 27 hingga 29 Oktober 2015 di Pulau Pinang bersempena dengan *Regional Seminar on the Enhancement of Safety of Ships Carrying Passengers on Non-International Voyages*.

Program ini diadakan selaras dengan inisiatif pembangunan modal insan melalui kerjasama ITCP. Tujuan penganjuran program adalah bagi memberi penekanan kepentingan pengurusan keselamatan kapal penumpang di perairan tempatan dan pendedahan kepada perkembangan terkini dalam pengenalan isu keselamatan kapal penumpang. Kursus ini dihadiri oleh 34 peserta-peserta dari negara-negara membangun terpilih termasuk negara-negara ASEAN dan juga India, Timor Leste dan Papua New Guinea, atas jemputan khas.

Kementerian Pengangkutan dan IMO turut bekerjasama dengan *International Hydrographic Organization (IHO)* dalam penganjuran kursus *IMO/IHO Multi-beam Training Course for the Safety of Navigation on Port Operations* yang telah berlangsung dari 7 hingga 11 November 2015 di Institut Latihan Pentadbiran dan Pengurusan Pengangkutan Laut (ILPPPL).

Ini sebagai latihan bagi pegawai *survey multi-beam* yang memfokuskan kepada aspek keselamatan pelayaran dan membolehkan peserta kursus menggunakan penilaian risiko (*risk assesment*) sebagai alat pengukur dalam mengkhusus keperluan *survey multi beam*. Kursus ini berbentuk teknikal telah disertai oleh 18 orang peserta tempatan serta peserta dari negara ASEAN, China, Republic of Iran, Republic of Korea, Pakistan dan Sri Lanka.

Satu perjanjian tambahan kepada perjanjian di antara Malaysia dan Singapura Mengenai Pembinaan dan Operasi Terminal Feri dan Perkhidmatan Feri di antara Semenanjung Malaysia dan Singapura telah ditandatangani pada 5 Mei 2015 di Singapura oleh En. Muhammad Razif Ahmad, Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) yang mewakili Kerajaan Malaysia dan Mr. Andrew Tan, Ketua Eksekutif, *Maritime and Port Authority of Singapore*.

Perjanjian tersebut bertujuan bagi membuka dua (2) laluan baru selain dari Tanjung Belungkor iaitu dari Terminal Feri Changi, Singapura ke Pasir Gudang dan Tanjung Pengelih di Johor. Pembukaan dua laluan baru ini dijangka bakal menjadi pemangkin kepada

industri pelancongan di kawasan Desaru, Johor selain berfungsi sebagai penghubung atau laluan ketiga di antara Johor dan Singapura.

### **Penubuhan *Protection and Indemnity Club Malaysia (P&I Club Malaysia)***

Kerajaan pada 5 Ogos 2015 telah bersetuju dengan penubuhan *Protection and Indemnity Club Malaysia (P&I Club Malaysia)* dengan kerjasama strategik *RaetsMarine Insurance B.V* bagi fasa permulaan.

P&I Club Malaysia menawarkan perlindungan insurans atau sekuriti kewangan kepada kapal-kapal 300GT ke bawah pada harga yang kompetitif serta mampu milik. Kemudahan ini pada masa yang sama turut menjamin kepentingan Kerajaan di dalam menjaga perairan negara dari sebarang bentuk pencemaran marin. Maka, penubuhan P&I Club Malaysia merupakan opsyen terbaik untuk melaksanakan hasrat ini.

### **Pelesenan Perkapalan Dalam Negeri (*DSL – Domestic Shipping License*)**

DSL dikenakan kepada semua kapal yang beroperasi dari dan ke mana-mana pelabuhan atau tempat di Malaysia (termasuk Zon Ekonomi Eksklusif). DSL juga turut dikenakan kepada kapal-kapal yang memberikan perkhidmatan selain dari perikanan di perairan Malaysia seperti pengorekan, pemasangan kabel dan paip dan penyelidikan hidrografi. Ini dikategorikan sebagai perkhidmatan perkapalan domestik.

Di bawah *Malaysian Shipping Ordinance (MSO) 1952*, hanya kapal-kapal Malaysia sahaja yang boleh memberikan perkhidmatan perkapalan domestik di dalam perairan Malaysia dan Zon Ekonomi Eksklusif. Sepanjang tahun 2015, sebanyak 5,549 DSL telah dilulus dan dikeluarkan. Berdasarkan ini, hasil kutipan DSL adalah sebanyak RM 6,553,403.21.

Selaras dengan seruan Kerajaan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, Kementerian telah berjaya mengurangkan tempoh memproses dan meluluskan DSL dari empat (4) hari bekerja kepada dua (2) hari bekerja.



# BAHAGIAN UDARA

---



# BAHAGIAN UDARA

Malaysia kini muncul sebagai antara hab penting di rantau Asia Pasifik dengan dasar penerbangan yang mampan dan asas-asas ekonomi negara yang kukuh. Pihak berkuasa penerbangan Malaysia komited terutama dalam aspek keselamatan dan perlindungan alam sekitar serta pembangunan mampan pengangkutan udara melalui kerjasama erat dengan semua pihak yang berkepentingan dalam sektor ini.

## Latar Belakang

### Industri penerbangan negara

Industri penerbangan awam merupakan salah satu industri yang memberi sumbangan besar kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia dengan menghubungkan negara ke pasaran global. Ianya telah memudahkan perdagangan, mengembangkan pasaran eksport, menggalakkan industri pelancongan dan juga sebagai pemboleh utama perniagaan dan perdagangan.

Industri penerbangan awam di Malaysia telah berkembang seiring dengan kemajuan sektor penerbangan global. \*

Melalui pelaksanaan *Economic Transformation Programme (ETP)* misalnya, Kerajaan telah mengenalpasti sektor pelancongan sebagai salah satu sektor ekonomi utama (*New Key Economics Areas (NKEAs)*) yang boleh menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara. Sehubungan itu, Kerajaan telah menetapkan untuk mencapai sasaran sebanyak 36 juta pelancong pada tahun 2020 yang akan memberi pulangan pendapatan sebanyak RM3.3 *Gross National Income (GNI)* dan 13,000 peluang pekerjaan pada tahun 2020.


Di bawah Projek Permulaan EPP 11 (*Connectivity*), kerajaan telah mensasarkan untuk meningkatkan ketibaan pelancong dari negara-negara berjarak sederhana (*medium haul countries*) dari 15%

daripada jumlah pelancong yang tiba di Malaysia pada tahun 2010 kepada 25% pada tahun 2020, dengan fokus kepada 6 buah negara keutamaan *medium haul countries* iaitu China, India, Australia, Taiwan, Japan dan Korea Selatan.

Komitmen kerajaan dalam menjadikan Malaysia peneraju sektor penerbangan tidak terhenti pada inisiatif dan langkah-langkah untuk membangunkan sektor penerbangan semata-mata. Melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang dilancarkan pada tahun 2011, terdapat tiga Projek Permulaan (EPP) di bawah sektor perkhidmatan perniagaan yang menyasarkan kepada pertumbuhan industri aeroangkasa yang dilihat akan menyokong pertumbuhan industri penerbangan negara secara keseluruhannya.\*\*

Antara EPP terbabit termasuk EPP 1 – Perkhidmatan Penyelenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih (MRO) bagi industri penerbangan di mana Malaysia berpotensi untuk muncul sebagai hab MRO bertaraf antarabangsa bagi sektor penerbangan sekali gus menjadi platform untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh SAI Consultancy, MRO Forecast, industri MRO penerbangan global dijangka berkembang pada kadar pertumbuhan terkumpul tahunan sebanyak 4.4 peratus dari tahun 2009 hingga 2019 di mana subsektor ini dijangka berjumlah RM208 bilion menjelang tahun 2020\*\*\*.



Rajah 1: empat bidang tumpuan atau subsektor industri aeroangkasa yang dilindungi dalam pelan itu

\*[sumber: State Profile Malaysia, DCA 2015]

\*\*[sumber: Pelan Transformasi Ekonomi (ETP), Pemandu]

\*\*\*[sumber: artikel utusan

'Malaysia berpotensi jadi pusat MRO', 25 Oktober 2012, Matrade]

Selain daripada itu, Kerajaan juga telah memperkenalkan EPP ke-8 di dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang memanfaatkan secara langsung saranan Pelan Induk Industri Aeroangkasa Malaysia dan inisiatif yang terkandung di dalam EPP 7 – “Menjadikan Malaysia sebagai hab pengilang peralatan aeroangkasa di Asia Tenggara” dalam menjadikan Malaysia sebagai Bandar Aeroangkasa Asia. \*[sumber: SMECorp, Pemandu]

Selaras dengan aspirasi tersebut, sebuah Pelan Pembangunan Industri Aeroangkasa Malaysia telah dilancarkan pada 17 Mac 2015 semasa di Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA'15). Pelan ini menggariskan matlamat untuk menjadi negara aeroangkasa terulung di Asia Tenggara dan menjadi sebahagian daripada pasaran global.

Industri ini telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara di mana pada tahun 2014, jumlah pendapatan yang dijana adalah berjumlah RM11.8 bilion dan lebih daripada 19,500 peluang pekerjaan telah dapat diwujudkan; 8600 dalam sektor pembuatan, 9900 dalam sektor MRO dan 1000 dalam lain-lain sektor. Pada masa ini terdapat 159 syarikat aeroangkasa yang aktif di Malaysia,

peningkatan sebanyak tiga kali ganda berbanding tahun 1998.

Industri Aeroangkasa Malaysia dijangka mampu menjana jumlah pendapatan sebanyak RM55.2 bilion dan menyediakan peluang pekerjaan mahir kepada lebih daripada 32,000 menjelang tahun 2030.

Dengan kelebihan dasar menyeluruh yang merangkumi semua aspek utama penerbangan, memberi fokus kepada bidang keberhasilan, matlamat pembangunan strategik yang jelas, strategi jangka panjang dan pendekatan transformasi, Malaysia bakal menjadi negara peneraju utama sektor penerbangan Asia Pasifik.

### Liberalisasi industri penerbangan

Pengangkutan udara mengalami perkembangan yang pesat kebelakangan ini disebabkan oleh penurunan kos pengangkutan udara. Liberalisasi pengangkutan udara menyumbang kepada pertumbuhan pasaran dan pertumbuhan ekonomi yang secara tidak langsung menjadikan tambang perkhidmatan penerbangan lebih kompetitif. Malaysia telah dan terus menggalakkan dasar penerbangan liberal yang progresif di peringkat antarabangsa dan ASEAN sebagai sebahagian daripada usaha untuk membangunkan sistem pengangkutan udara, menjana pertumbuhan ekonomi, meningkatkan daya saing dan menggalakkan integrasi global.

Proses liberalisasi pengangkutan udara adalah asas untuk pertumbuhan sektor udara dan kemampuan jangka panjang penerbangan global. Pendekatan Malaysia terhadap dasar penerbangan yang liberal adalah memperkenalkan Dasar Langit Terbuka yang meningkatkan ketersediaan (availability) dan kebolehsambungan (connectivity) pengangkutan udara di samping menyumbang kepada persaingan yang lebih hebat di sektor ini.

Malaysia bersama-sama dengan negara-negara anggota ASEAN komited untuk berusaha ke arah memajukan industri penerbangan yang lebih selamat dan terjamin dan meningkatkan kecekapan pengurusan trafik udara dan keupayaan melalui Perjanjian Langit Terbuka ASEAN seperti yang terkandung di bawah *ASEAN Single Aviation Market (ASAM)*.

### **Penubuhan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM)**

Dalam komitmen berterusan Malaysia bagi memastikan industri penerbangan bersaing seiring dengan pasaran global, Kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) di bawah Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia yang telah diluluskan pada bulan Ogos 2015 dan dijangka akan mula beroperasi pada 1 Mac 2016.

Sebagai badan kawal selia bebas, antara tanggungjawab suruhanjaya ini termasuk pemprosesan dan kelulusan Lesen Perkhidmatan Udara (ASL), Permit Perkhidmatan Udara (ASP), Lesen Pengendalian Darat, Lesen Pengendali Aerodrome, penetapan caj aeronautikal (Caj Perkhidmatan Penumpang (PSC) dan caj keselamatan), caj pendaratan dan parkir, mengurus dan mentadbir hak trafik dan laluan-laluan obligasi perkhidmatan awam melalui Perkhidmatan Penerbangan Luar Bandar (RAS).

Suruhanjaya ini juga bertanggungjawab mengawal selia isu-isu berkaitan dengan perlindungan hak

pengguna, persaingan dan penyelesaian pertikaian yang berlaku dalam industri penerbangan negara.

### **Pencapaian industri penerbangan**

Pergerakan penumpang di lapangan terbang Malaysia pada tahun 2015 merekodkan sejumlah 86.4 juta penumpang, peningkatan sebanyak 0.86% berbanding 2014. Pergerakan penumpang di Malaysia telah mencatatkan lebih 80 juta penumpang setahun untuk tempoh dua tahun berturut-turut. Pembukaan klia2 dan permbukaan destinasi-destinasi baru oleh syarikat-syarikat penerbangan Malaysia adalah antara sebab yang menyumbang kepada peningkatan ini.


Jumlah pergerakan pesawat yang telah dikendalikan oleh semua lapangan terbang di seluruh negara pada tahun 2015 adalah sebanyak 856,957 pergerakan pesawat. Jumlah ini mencatatkan peningkatan sebanyak 22,301 pergerakan pesawat (2.67%) berbanding tahun 2014 yang mencatatkan sebanyak 834,656 pergerakan pesawat.

Manakala bagi pengurusan kargo pula, pada tahun 2015 merekodkan 979,427.97 tan metrik kargo telah dikendalikan. Ini merupakan penurunan sebanyak 3.26% berbanding kargo yang dikendalikan pada tahun 2014 iaitu sebanyak 1,012,397.18 tan metrik. Antara faktor yang menyebabkan penurunan ini adalah ekoran kemelesetan ekonomi dunia dan kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia.


Pada tahun 2015, beberapa laluan baru telah diperkenalkan oleh syarikat-syarikat penerbangan negara, antaranya laluan Kuala Lumpur – Perth yang dioperasikan oleh Malindo Air dengan kekerapan sebanyak 11 kali seminggu dan laluan Langkawi – Guangzhou yang dioperasikan oleh AirAsia dengan kekerapan sebanyak 4 kali seminggu. Pengenalan laluan-laluan baru ini telah sedikit sebanyak meningkatkan kebolehsambungan (connectivity) antara Malaysia dan negara luar, dan menyumbang kepada peningkatan trafik udara pada tahun 2015.




**Rajah 2: Trafik Penumpang (Juta)**



**Rajah 3: Pergerakan Pesawat**



**Rajah 4: Pergerakan Kargo (Tan Metrik)**



Pada tahun 2015 juga, Kementerian Pengangkutan Malaysia telah mengadakan rundingan udara dengan 13 buah negara iaitu Nepal, Morocco, Macedonia, Turki, Serbia, Botswana, Seychelles, Bangladesh, Australia, Ethiopia, Greece, Uganda dan Vietnam. Hasil daripada rundingan-rundingan udara yang diadakan, Kementerian Pengangkutan telah berjaya meningkatkan hak trafik serta meningkatkan kerjasama dalam bidang pengangkutan udara dengan beberapa negara luar, dan ini telah menyumbang kepada peningkatan kebolehsampaian (*connectivity*) dengan negara-negara yang terlibat.

Secara keseluruhannya, sehingga Disember 2015, Malaysia telah mempunyai aturan (*Air Service Agreement (ASA)*, *MoU*, *Agreed Minutes* dan *Records of Discussion*) perkhidmatan pengangkutan udara dengan 101 buah negara. Daripada jumlah tersebut, Malaysia mempunyai aturan Langit Terbuka (*Open Skies*) dengan 20 buah negara seperti Bahrain, Chile, Denmark, Ecuador, Ireland, Lebanon, Luxembourg,

Macau, Maldives, New Zealand, Norway, Oman, Qatar, Sri Lanka, Sweden, U.A.E., U.S.A., United Kingdom, Yemen dan Zambia.

### Perkhidmatan Udara Luar Bandar (*Rural Air Services, RAS*)

RAS merupakan perkhidmatan udara yang dijalankan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak di mana pengangkutan udara merupakan mod pengangkutan utama bagi penduduk di kawasan luar bandar. Dalam hal ini, MASwings Sdn. Bhd. (MASwings) telah diberi tanggungjawab oleh Kerajaan untuk melaksanakan RAS sejak 1 Oktober 2007. MASwings menyediakan perkhidmatan RAS di 49 laluan di Sabah dan Sarawak di mana 19 laluan daripadanya dioperasikan dengan menggunakan 10 buah pesawat jenis ATR 72-500 dan 30 laluan lagi dengan menggunakan 6 buah pesawat jenis Twin Otter Viking DHC6-400.




Rajah 5: Rangkaian Laluan MASwings

MASwings telah mengendalikan sebanyak 2,935,451 penumpang pada tahun 2015 berbanding 3,320,037 penumpang pada tahun 2014 (penurunan sebanyak 11.58%). Bagi pengendalian pesawat pula, MASwings telah mengendalikan sebanyak 102,717 pergerakan pesawat bagi tahun 2015 berbanding 102,791 pergerakan pesawat tahun 2014.


Manakala, bagi pengendalian kargo, MASwings mengendalikan sebanyak 5,271,071 kilogram kargo bagi tahun 2015, penurunan sebanyak 5.84% berbanding sebanyak 5,597,787 kilogram kargo tahun 2014.

Antara sebab penurunan prestasi pergerakan penumpang dan kargo yang dioperasikan oleh MASwings adalah berikutan kekurangan jumlah pelancong domestik dan antarabangsa ke Sabah dan Sarawak, keadaan ekonomi Malaysia yang kurang memberangsangkan, pengenalan Cukai Barang dan Perkhidmatan (*Goods and Services Tax – GST*) sebanyak 6% dan faktor cuaca iaitu jerebu yang melanda Malaysia pada bulan September 2015 yang sedikit sebanyak telah mengakibatkan penurunan jumlah pengendalian penumpang dan kargo.

**Rajah 6: Jumlah Pengendalian Penumpang oleh MASwings**



**Rajah 7: Jumlah Pengendalian Kargo (Kilogram) oleh MASwings**



## Mencipta ekosistem lapangan terbang

Malaysia mempunyai 22 lapangan terbang; 6 lapangan terbang antarabangsa dan 16 lapangan terbang domestik yang menjadi antara penyumbang besar kepada pembangunan ekonomi negara melalui dan pertumbuhan pesat jumlah penumpang dan kargo yang dikendalikan. Selaku pintu masuk utama ke Malaysia, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur atau KLIA, menjadi bukti keberkesanan dasar pelaburan yang aktif didorong pembangunan kapasiti infrastruktur.

Sebagai operator lapangan terbang di Malaysia, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) telah mengorak langkah bagi memastikan lapangan terbang dalam negara adalah setaraf dengan lapangan terbang antarabangsa di negara-negara maju. Pelbagai langkah dan inisiatif telah dilaksanakan oleh MAHB, termasuk:

### **Runway to Success 2020 (RtS2020)**


Inisiatif RtS2020 merupakan pelan strategik MAHB bagi memberi gambaran keseluruhan pembangunan berterusan Lapangan Terbang bagi 2016-2020. Dengan visi *“to be the global leader in creating airport cities”*, MAHB menyasarkan untuk menjadi penanda aras di peringkat antarabangsa yang menerajui pembangunan perbandaran dan komuniti di persekitaran kawasan lapangan terbang.

### a) KLIA Aeropolis

Aeropolis merupakan sebuah konsep bandar raya lapangan terbang yang bakal menjadi pemangkin kepada perkembangan ekonomi bandar dan pusat kluster untuk aktiviti teknologi, inovasi dan penyelidikan. KLIA Aeropolis merupakan pembangunan bandar raya lapangan terbang dengan keluasan kawasan keseluruhan berjumlah 22,156 ekar di kawasan sekitar KLIA. Ia merangkumi tiga kelompok pembangunan; kargo udara & logistik; Taman Perniagaan & Penerbangan; Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran ( “MICE”) & Leisure.

Kluster-kluster ini adalah sejajar dengan Pelan Induk Logistik Kebangsaan dan Fasilitasi Perdagangan(“NLTF”) 2015-2020, Rangka Tindakan Aeroangkasa Kebangsaan (2015-2030) dan juga beberapa Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) (di bawah sektor Perkhidmatan Perniagaan & Pelancongan) Program Transformasi Ekonomi (ETP). Mitsui Outlet Park merupakan antara projek permulaan (EPP) di bawah kluster MICE & Leisure dan merupakan projek pemangkin pertama bagi KLIA Aeropolis.

KLIA Aeropolis bakal menjadi destinasi multimodal yang tersendiri untuk perniagaan, membeli-belah dan hiburan, yang akan menyumbang kepada pertumbuhan keseluruhan kawasan lapangan terbang dan masyarakat sekeliling. Selaras dengan rancangan perniagaan RtS2020, Malaysia Airports dijangka akan membangunkan kira-kira 1,300 ekar dalam tempoh 5 tahun akan datang dengan pelaburan hampir RM1 bilion.



Rajah 8: KLIA Aeropolis Plan

b) Pelancaran Mitsui Outlet Park

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak telah merasmikan majlis pelancaran Mitsui Outlet Park KLIA pada 30 Mei 2015. Dalam tempoh tujuh bulan sejak mula beroperasi, Mitsui Outlet Park KLIA, telah berjaya melebihi unjuran sasaran dengan konsep

perniagaannya merupakan satu kejayaan komersial. Pada masa ini, di bawah Fasa 1, terdapat 128 buah kedai, meliputi seluruh ruang komersial 24,000 meter persegi (258,334 kaki persegi). Pembesaran projek ini sedang dirancang di bawah Fasa 2 dan Fasa 3, yang dijadual memulakan operasi masing-masing pada 2018 dan 2021.



### c) Pembangunan Kargo Udara & Logistik

Antara projek-projek pemangkin utama dalam industri kargo udara dan logistik di KLIA adalah peralihan Terminal LCCT sebagai terminal kargo, pembangunan taman kargo & logistik serta Taman Teknologi Aeroangkasa.

Malaysia Airports telah menyerahkan terminal LCCT kepada Raya Airways Sdn Bhd dan anak syarikat milik DRB HICOM, Perkhidmatan Lapangan Terbang KL (KLAS) untuk operasi pengendalian kargo mereka. Ini dilihat sebagai satu inisiatif pemangkin bagi meningkatkan jumlah perkhidmatan kargo dan logistik.

Inisiatif ini akan membolehkan lebih banyak ruang untuk pengendalian kargo dan meningkatkan tahap perkhidmatan di KLIA supaya kita mampu menarik lebih banyak jumlah kargo di rantau ini serta mengurangkan ketirisan. Tambahan lagi, penempatan semula Raya Airways menyaksikan penglibatan perkhidmatan bertaraf dunia seperti DHL Express dan Dnata yang dilihat akan meningkatkan lagi tahap perkhidmatan dalam ekosistem kargo & logistik di KLIA.









# BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

# BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

## Latar Belakang

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) terdiri daripada tiga (3) unit utama iaitu Unit Pembangunan Organisasi, Unit Perkhidmatan dan Unit Pembangunan Kerjaya. Unit Perkhidmatan terlibat dalam pengurusan personel, perkhidmatan dan menganalisa keperluan strategik tenaga kerja secara holistik. Unit Pembangunan Organisasi pula terlibat dalam pengurusan pengukuhan perjawatan, kajian skim, elaun perkhidmatan dan mentadbir sistem HRMIS MOT. Manakala Unit Pembangunan Kerjaya terlibat dalam pembangunan kompetensi, sahsiah, psikologi dan pengurusan pengiktirafan.

## Program Utama Sepanjang Tahun 2015

### 1. Unit Pembangunan Organisasi (PO)

#### i. Penstrukturan Semula

##### a. Penubuhan Bahagian Logistik dan Pengangkutan Darat

Susulan keputusan Kerajaan memberi mandat kepada Kementerian Pengangkutan untuk menerajui dan memantau hala tuju dan pelan tindakan bagi merangsang pembangunan sektor logistik negara, BPSM telah melaksanakan beberapa siri rundingan bersama pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk merealisasikan penubuhan satu entiti yang akan memainkan peranan ini di peringkat Kementerian. Dalam hubungan ini, Bahagian Darat dan Logistik sedia ada telah melalui proses penjenamaan semula dengan perluasan fungsi berkaitan logistik dan dikenali sebagai Bahagian Logistik dan Pengangkutan Darat.

#### b. Pengukuhan Perjawatan di Perbadanan Aset Keretapi (PAK)

BPSM turut melaksanakan lawatan ke Perbadanan Aset Keretapi (PAK) dan Stesen Kawalan Sempadan Singapura-Johor pada 15 Oktober 2015 disertai oleh wakil JPA dan MOT dalam usaha untuk menstruktur semula organisasi dan pengukuhan perjawatan di PAK. Objektif utama lawatan ini bagi memberi pendedahan tentang peranan RAC disamping melihat bebanan yang ditanggung oleh RAC dalam tugas yang dipertanggungjawabkan. Susulan lawatan tersebut, satu mesyuarat telah diadakan bersama pihak JPA dan telah diputuskan supaya PAK mengemukakan permohonan jawatan kontrak memandangkan dasar Kerajaan berhubung perjawatan kejut masih berkuatkuasa.

#### ii. HRMIS

Pencapaian KPI HRMIS 2015 berdasarkan laporan JPA sehingga 31 Disember 2015:

Bil.	Rekod	Pencapaian
1	Pengemaskinian Data Perjawatan: Perbandingan Bilangan Perjawatan Di Antara HRMIS Dan MyPost	100.00%
2	Pemurnian data bagi 24 elemen Data Perjawatan, Rekod Peribadi Dan Profil Perkhidmatan di HRMIS.	99.82%
3	Pelaksanaan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Bagi Tahun 2015 Melalui HRMIS. (setelah ditolak kaveat)	98.76%
4	Pelaksanaan Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) Bagi Tahun 2015 Melalui HRMIS.(sebelum ditolak kaveat)	97.38%
5	Pelaksanaan Perisytiharan Harta Melalui HRMIS.	98.81%

## 2. Unit Perkhidmatan (PK)

### i. Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2014

Penganjuran Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2014 telah diadakan bersekali dengan Hari Terbuka Sumber Manusia (HTSM), Sambutan Tahun Baru Cina dan Program MOTeam pada 3 Mac 2015. Penggabungan penganjuran ini merupakan antara usaha BPSM dalam merealisasikan penjimatan seperti yang diarahkan di samping mengambil peluang kehadiran warga MOT dan wakil-wakil Jabatan/ Agensi ke majlis tersebut. Pelaksanaan HTSM melibatkan program bersepadu di mana program ini akan memberi peluang kepada semua warga MOT serta Jabatan/ Agensi untuk berkongsi masalah dan mendapatkan khidmat nasihat berkaitan Pengurusan Sumber Manusia secara terus. Pada majlis berkenaan juga, BPSM akan menganjurkan Program 'MOTeam', bertujuan untuk menyemarakkan lagi semangat kekeluargaan, selaras dengan hasrat YBhg. Datuk Dr. KSU untuk mewujudkan rasa *sense of belonging* di kalangan warga MOT.

### ii. Human Resource Managers' Dialogue 2015

Sebanyak dua (02) siri program *Human Resource Managers' Dialogue (HRMD) 2015* telah dianjurkan bersama Unit PO. Siri pertama diadakan di Kota Kinabalu, Sabah

pada 27 dan 28 Mei 2015 dengan kerjasama Jabatan Laut Wilayah Sabah. Siri pertama melibatkan semua pengurus sumber manusia di Jabatan dan Agensi di bawah MOT.

HRMD 2015 siri kedua telah diadakan pada 14 dan 15 September 2016 di Kuala Terengganu, Terengganu dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Terengganu. Siri ini melibatkan semua Pengarah Jabatan Negeri dan pegawai sumber manusia jabatan di negeri.

### iii. Sesi Ramah Mesra Ketua Setiausaha (KSU) dengan Kumpulan Pelaksana MOT

Satu sesi Ramah Mesra KSU dengan Kumpulan Pelaksana MOT telah diadakan sejurus selepas Majlis Amanat KSU Tahun 2015 iaitu pada 6 Januari 2015. Sesi tersebut merupakan pertemuan pertama secara rasmi KSU dengan kumpulan pelaksana MOT sebagai satu platform mengenali KSU dengan lebih dekat dan mesra.

### iv. Sesi Perjumpaan Ketua Setiausaha (KSU) dengan Pegawai-Pegawai Baru MOT

Sesi perjumpaan dengan KSU adalah salah satu usaha mengalu-alukan kehadiran pegawai baru ke MOT dan memupuk *sense of belonging* di kalangan pegawai agar bermotivasi dalam memulakan dan melaksanakan tugas di tempat yang baru. Antara sesi yang diadakan melibatkan

penempatan PTD Gred M52 sebagai Pengarah JPJ Negeri Terengganu, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang pada 19 Januari 2015, penempatan PTD Gred M52, M48, M44 dan M41 dan penempatan Kadet PTD yang menjalani Latihan Industri di MOT.

*Aviation Academy (MAVA)* dengan tujuan memberi pendedahan secara terus kepada warga Kementerian berkenaan tugas dan peranan Jabatan & Agensi di bawah Kementerian Pengangkutan, selain menerapkan semangat cintakan organisasi.

### 3. Unit Pembangunan Kerjaya (KJ)

#### i. Latihan / Kursus Warga MOT

Sepanjang 2015, sebanyak 15 buah kursus telah dianjurkan BPSM secara dalaman (*in-house training*) dengan fokus terhadap kursus generik & psikologi. Pecahan latihan / kursus adalah seperti berikut :

Bil.	Kategori	Bilangan	Perbelanjaan
1.	Kursus Generik	6	RM 53,279.00
2.	Kursus Psikologi	9	RM 65,594.00
Jumlah		15	RM 118,873.00

**Jadual 1 : Pecahan latihan / kursus Tahun 2015**

BPSM juga telah menghantar seramai 25 orang pegawai untuk berkursus di luar Kementerian melibatkan perbelanjaan keseluruhan sebanyak RM 28,455.00. Pelaksanaan latihan secara *in-house* dan di luar Kementerian ini dapat meningkatkan kompetensi dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan prestasi warga MOT.

#### ii. Program *Familiarization*

Program *Familiarization* Kementerian Pengangkutan merupakan salah satu Inisiatif Strategik di bawah Pelan Transformasi Kementerian Pengangkutan. Sebanyak 3 siri program ini telah dilaksanakan sepanjang 2015 melibatkan 38 orang pegawai yang telah dikenalpasti dari Bahagian / Jabatan di bawah Kementerian Pengangkutan.

Program ini melibatkan taklimat & lawatan ke Pusat Kawalan Udara Subang, Pelabuhan Klang (*Northport & Westport*) dan *Malaysian*

### 3. Unit Pengurusan Psikologi

#### i. Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB)

Ahli AKRAB MOT telah menganjurkan pelbagai aktiviti pada tahun 2015. Antaranya ialah program amal CSR di kawasan Jerantut dan Kuantan, Pahang pada 8 hingga 9 Januari 2015 untuk membantu mangsa banjir yang ditimpa dengan musibah banjir. Selain itu, aktiviti senaman mingguan dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan Kementerian Pengangkutan (KSKKP) turut diadakan bagi menggalakkan warga Kementerian mengamalkan gaya hidup aktif, cergas dan sihat.

#### ii. Program Pementoran

Program Pementoran merupakan satu pendekatan untuk memberi bimbingan dan sokongan dengan menerapkan elemen psikologi dan kaunseling secara profesional yang diberikan oleh mentor kepada mentee bertujuan meningkatkan pembangunan dan kompetensi profesional, budaya, peribadi dan sosial bagi pegawai lantikan baru dan kenaikan pangkat. Pada tahun 2015, seramai 12 pasangan mentor dan mentee telah menamatkan proses pementoran dengan jayanya.

### Pencapaian Sepanjang Tahun

Sepanjang tahun 2015, BPSM telah terlibat dalam beberapa aktiviti dan telah menerima anugerah di atas kecemerlangan seperti:-

- i) Pencapaian 100% Pencapaian Cemerlang Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS Tahun 2014;

- ii) Pengiktirafan 5 Bintang bagi Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia 2015;
- iii) Pingat Perak Amalan Terbaik AKRAB, sempena Majlis Konvensyen AKRAB Kebangsaan Ke-6 2015;
- iv) Program NBOS (4 in 1) Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2014, Sambutan Tahun Baru Cina, Hari Terbuka Sumber Manusia Dan Program Moteam pada 3 Mac 2015; dan
- v) Program julung kali - Hari Bersama MBJ MOT Tahun 2015 pada 25 Ogos 2015.





BAHAGIAN  
**PERANCANGAN STRATEGIK  
DAN ANTARABANGSA**

# BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA

## Latar Belakang

Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa (BPSA) bertanggungjawab menerajui usaha merangka dan menggubal dasar serta hala tuju Kementerian Pengangkutan selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memperkasakan sektor pengangkutan negara. Tugas ini meliputi urusan perancangan dasar domestik dan antarabangsa dalam sektor pengangkutan, pembangunan industri pengangkutan dan juga hal-hal yang berkait dengan

fasilitasi dan regulatori sektor pengangkutan negara selain bertanggungjawab untuk menerajui inisiatif dan program Pemerksaan Ekonomi Bumiputera (PEB) dalam sektor pengangkutan.

BPSA juga menjadi *focal point* kepada semua inisiatif hubungan kerjasama antarabangsa sektor pengangkutan samada diperingkat wilayah dan pelbagai hala. BPSA juga diberi tanggungjawab sebagai penyelaras semua urusan berkaitan Parlimen dan Jemaah Menteri diperingkat Kementerian.





## Laporan Pencapaian Pelan Transformasi Kementerian Pengangkutan Tahun 2015

Antara aktiviti pada tahun 2015 seperti:-

- i. Bengkel Pemurnian Pelan Transformasi Kementerian Pengangkutan (MOT) telah diadakan pada 6 Mei 2015 bertujuan untuk menambahbaik *output*, pelan tindakan dan juga *outcome* Inisiatif-inisiatif Strategik Pelan Transformasi MOT. Para peserta terdiri daripada Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), *focal point* bagi setiap teras strategik dan *owner* kepada setiap inisiatif strategik;
- ii. Hari Terbuka Transformasi MOT telah diadakan pada 29 Mei 2015 dengan kehadiran seramai 500 orang pegawai dan tetamu jemputan. Antara pengisian pada hari tersebut ialah Ucapan Perasmian dan Amanat YBhg. Datuk Dr. KSU, ceramah Transformasi oleh Mantan TKPPA -YBhg. Dato' Dr. Ismail bin Alias dan lawatan YB Menteri Pengangkutan bersama Ketua Jabatan ke ruang pameran. Objektif program ini adalah:
  - a. Memberi pendedahan dan kefahaman mengenai pelaksanaan Pelan Transformasi MOT kepada semua warga MOT, termasuk pegawai di Jabatan dan Agensi di bawah MOT.
  - b. Mendapatkan input, pandangan dan maklumbalas mengenai Pelan Transformasi MOT.
  - c. Sebagai usaha promosi Program Transformasi Kementerian.
  - d. Persediaan untuk pembentangan YBhg. Datuk Dr. KSU dalam Mesyuarat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) bersama KSU / SUK.
  - e. Persediaan untuk penyertaan MOT dalam Program Persada Transformasi anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
- iii. Pembentangan oleh YBhg Datuk Dr. KSU dalam mesyuarat Mesyuarat Ketua Setiausaha – Ketua Perkhidmatan bersama KPPA pada 8 Jun 2015;
- iv. Penyertaan dalam Persada Transformasi anjuran JPA pada 17 Jun 2015 di PICC bersempena Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Keempat Belas (MAPPX XIV). MOT diwakili oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) iaitu bagi inisiatif strategik Skwad Muda dan;
- v. Lab Transformasi Perkhidmatan Awam anjuran JPA pada 26 hingga 30 November 2015 bertempat di INTAN Kampus Wilayah Tengah (INTENGAH). Melalui lab ini, sebanyak 14 Inisiatif Strategik bagi tahun 2016 telah berjaya dihasilkan.



## Laporan Pencapaian Pelan Strategik Kementerian Pengangkutan Tahun 2015

Sebanyak dua siri bengkel Pelan Strategik Kementerian Pengangkutan 2016-2020 diadakan iaitu siri 1/2015 pada 29 Oktober 2015 dan siri 2/2015 pada 7 hingga 9 Disember 2015. Sesi perbincangan kumpulan dan bengkel telah dibimbing oleh pasukan konsultasi dari Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Objektif bengkel adalah untuk:

- i) Menilai dan menyemak semula Pelan Strategik MOT 2011-2015;
- ii) Menetapkan hala tuju strategik MOT;
- iii) Mengenalpasti isu-isu strategik dan menetapkan tindakan-tindakan strategik yang berkaitan
- iv) Menetapkan pelan operasi/pelan tindakan
- v) Mengenalpasti mekanisme pemantauan dan pengukuran pencapaian *output/outcome*; dan
- vi) Menyediakan dokumen Pelan Strategik MOT 2016-2020



## Hari Terbuka Pelan Transformasi MOT

Hari Terbuka Pelan Transformasi Kementerian Pengangkutan (MOT) telah diadakan pada 29 Mei 2015 bertempat di Dewan Serbaguna, Aras 2, Kementerian Pengangkutan. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Ismail bin Haji Bakar, Ketua Setiausaha MOT.

Di antara pengisian dalam program ini ialah Ceramah Transformasi oleh Mantan Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (TKPPA), YBhg. Dato' Dr. Ismail bin Alias dan pameran berkaitan Teras 1 hingga 5 Pelan Transformasi MOT. Di samping itu, YB. Datuk Seri Liong Tiong Lai, Menteri Pengangkutan juga telah melawat *booth-booth* pameran yang disediakan.



Komitmen Ahli Pengurusan Tertinggi MOT



Ucapan perasmian dan amanat oleh YBhg. Datuk Dr. KSU MOT



Barisan Ketua Jabatan/Agensi di bawah MOT yang hadir



Ceramah Transformasi oleh Mantan TKPPA - YBhg. Dato' Dr. Ismail bin Alias



Sokongan oleh warga MOT dan para jemputan



Sesi penyampaian cenderahati kepada penceramah jemputan



Lawatan ke tapak pameran



Booth Pameran Teras 1. Penerangan kepada YB Menteri Pengangkutan Malaysia



Booth Pameran Teras 2




Booth Pameran Teras 3



Booth Pameran Teras 4



Booth Pameran Teras 5



Cadangan Oleh Warga MOT semasa Hari Terbuka Pelan Transformasi

- ① Persekitaran kargo tren - Cost-effective, high quality
- ② operator kereksi baru/tambahan perlu dipertingkatkan dgn agero ☺☺
- ③ MOT pantau 'punctuality', 'frequency' KTM Komuter servis
4. Parking staf jepj & mot

## Laporan Pelaksanaan Penilaian Penarafan Bintang atau *System Star Rating (SSR)* Kementerian Pengangkutan (MOT) Tahun 2015

Penilaian Penarafan Bintang atau *System Star Rating (SSR)* adalah mekanisme yang diperkenalkan oleh Kerajaan untuk menilai prestasi agensi-agensi Sektor Awam. Pelaksanaan penilaian bermula pada tahun 2008 oleh MAMPU dan dilaksanakan / dinilai setiap 2 tahun sekali. Namun begitu bermula pada tahun 2015, penilaian SSR bagi setiap kementerian dan jabatan/agensi awam akan dilaksanakan setahun sekali.

### i) Sesi Penilaian SSR Kementerian Pengangkutan (MOT) Tahun 2015

Penilaian Audit SSR 2015 bagi Kementerian Pengangkutan telah diadakan pada 8 dan 9 September 2015 (Selasa dan Rabu) oleh pihak MAMPU.

Pencapaian SSR diukur melalui jumlah bintang sebanyak lima (5) bintang dan pada tahun 2015, format penilaian SSR telah dipinda berbanding tahun-tahun terdahulu. Penilaian SSR 2015 dinilai melalui dua (2) komponen utama iaitu Perkhidmatan Sokongan meliputi 40% jumlah markah dan Perkhidmatan Teras sebanyak 60% yang mana pada tahun tersebut penilaian ditekankan kepada bidang transformasi dan inovasi sektor awam.

Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa (BPSA) telah dipertanggungjawabkan sebagai penyelaras induk bagi Penilaian SSR MOT 2015. Di antara Bahagian/Unit yang terlibat ialah Bahagian Pentadbiran dan kewangan (BPK), Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), Bahagian Pembangunan, Bahagian Akaun, Unit LPPDN, Bahagian Maritim, Unit NKRA, Unit Audit Dalam, Unit Komunikasi Korporat, Unit KPI dan Unit Integriti.

Beberapa mesyuarat dan pra audit telah diadakan sebelum sesi penilaian SSR sebenar diadakan iaitu Mesyuarat Persediaan

pada 30 Julai dan 19 Ogos 2015 dan Sesi Pertama Pra Audit pada 24 hingga 27 Ogos 2015 dan sesi kedua pada 1 September 2015 manakala Mesyuarat/ Pembentangan Dapatan Pra Audit SSR bersama KSU MOT telah diadakan pada 2 September 2015.

### ii) Hasil Dapatan Awal Sesi Penilaian SSR MOT 2015

Pihak Panel Penilai SSR MAMPU telah memaklumkan semasa sesi penutup penilaian, bahawa beberapa Bahagian/Unit hendaklah memberikan maklumbalas segera (dalam tempoh 2 minggu dari tarikh penilaian) bagi beberapa teguran dan kekurangan input/laporan pembuktian (rekod/fail) yang dikemukakan.

Secara keseluruhannya, hasil dapatan awal Penilaian SSR MOT 2015, terdapat beberapa kelemahan dalam sub komponen penilaian yang perlu diambil perhatian oleh pihak MOT kerana jumlah peratusan yang diperolehi adalah di bawah 40% antaranya ialah :

- i. Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) (Komponen A – Perkhidmatan Sokongan);
- ii. Pengurusan Perubahan (Komponen B – Perkhidmatan Teras); dan
- iii. Pengurusan Inovasi (Komponen B – Perkhidmatan teras)

Jumlah bintang hasil penilaian SSR MOT 2015 masih belum dimuktamadkan sehingga Februari 2016 (MAMPU memaklumkan bahawa keputusan akan dimaklumkan pada hujung Februari atau awal Mac). Apa yang diharapkan agar pihak MOT memperoleh keputusan yang baik dan mencapai empat (4) bintang seperti yang disasarkan dengan melihat hasil dapatan awal penilaian yang telah dilaksanakan dan turut berharap agar setiap Bahagian/Unit dapat memberikan komitmen yang lebih baik dalam memastikan MOT mendapat penarafan bintang terbaik dalam sesi Penilaian SSR yang akan datang.

## Dialog Pemerksaan Ekonomi Bumiputera (PEB) Peringkat Kementerian Pengangkutan Malaysia

Sesi Dialog Pemerksaan Ekonomi Bumiputera (PEB) Peringkat Kementerian Pengangkutan Malaysia ini merupakan julung kali diadakan. Sesi dialog yang melibatkan persatuan / syarikat / individu Bumiputera ini telah diadakan pada 14 Disember 2015 (Isnin) bertempat di Dewan Serbaguna, Kementerian

Pengangkutan dan telah dirasmikan oleh YB Datuk Abd Aziz Kaprawi, Timbalan Menteri Pengangkutan.

Seramai kira-kira 50 orang terdiri daripada wakil persatuan dan syarikat telah hadir ke sesi dialog tersebut. Selain dari sesi dialog, taklimat daripada Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan agensi di bawah Kementerian Pengangkutan seperti Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) turut diadakan.



Sesi Taklimat Pemerksaan Ekonomi Bumiputera (PEB) oleh TERAJU

YB Timbalan Menteri merasmikan Sesi Dialog PEB Peringkat Kementerian Pengangkutan



YB Timbalan Menteri bersama panel Sesi Dialog PEB

Sesi dialog yang akan dijadikan sebagai program tahunan Unit Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (UPEB), Kementerian Pengangkutan ini diadakan bertujuan untuk menyampaikan maklumat berkenaan peluang-peluang perniagaan dalam sektor berkaitan dengan pengangkutan, logistik dan perkhidmatan sokongan yang lain kepada persatuan / syarikat / individu Bumiputera. Selain itu, sesi dialog ini juga menjadi platform kepada persatuan / syarikat / individu Bumiputera dalam menyampaikan pendapat serta pandangan untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang ekonomi terutamanya dalam sektor pengangkutan dan logistik.

Antara peserta yang hadir ke sesi dialog tersebut adalah wakil daripada Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM), Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM), Persatuan Pengimport dan Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia (PEKEMA), Gagasan

Aku Melayu Islam Tanah Air (GAMIT), Persatuan Pengusaha Teksi Kuala Lumpur dan Selangor, Majlis Piawai dan Pemodenan Industri Latihan Pemanduan (MAPIM) dan Persatuan Sekolah-Sekolah Memandu Bumiputera Wilayah dan Selangor. Isu berkenaan perkhidmatan *UBER / GrabCar*, prosedur mendapatkan *Domestic Shipping License (DSL)*, kebajikan pemandu bas serta cadangan insurans kepada pelajar-pelajar sekolah yang menaiki pengangkutan awam adalah antara isu yang dibangkitkan oleh wakil peserta. Daripada maklumbalas awal yang diterima dari peserta, mereka memuji usaha yang dilakukan oleh Kementerian Pengangkutan dalam menganjurkan sesi dialog ini dan berharap supaya ianya akan diteruskan pada masa akan datang. Peserta sesi dialog juga berharap supaya isu dan cadangan yang dikemukakan dapat dikaji kesesuaiannya dan seterusnya dapat di bawa ke peringkat seterusnya agar dapat dilaksanakan.



YB Timbalan Menteri bergambar bersama wakil Persatuan yang hadir





Presiden Persatuan Kontraktor Malaysia (PKMM), YBhg. Dato' Hj Mokhtar Samad turut hadir



Peserta-peserta yang hadir semasa sesi dialog PEB

## Penganjuran Mesyuarat Ke-39 dan Ke-40 Pegawai-Pegawai Pengangkutan Kanan ASEAN, Mesyuarat Ke-21 Menteri-Menteri Pengangkutan ASEAN dan Mesyuarat-Mesyuarat Berkaitan

Kementerian Pengangkutan telah berjaya menganjurkan Mesyuarat Ke-39 Pegawai-Pegawai Kanan Pengangkutan ASEAN (*ASEAN Senior Transport Officials Meeting – STOM*) pada 11 hingga 14 Mei 2015 di Melaka dan diikuti Mesyuarat Ke-40 Pegawai-Pegawai Kanan Pengangkutan ASEAN, Mesyuarat Ke-21 Menteri-Menteri Pengangkutan ASEAN (*ASEAN Transport Ministers Meeting – ATM*) dan mesyuarat-mesyuarat bersama rakan dialog iaitu Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea pada 2 hingga 6 November 2015 di Kuala Lumpur.

Mesyuarat STOM Ke-39 dan Ke-40 telah dipengerusikan oleh mantan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, YBhg Dato' Seri Dr. Ismail Haji Bakar. Manakala, Mesyuarat ATM Ke-21 telah dipengerusikan oleh YB Dato' Sri Liow Tiong Lai, Menteri Pengangkutan Malaysia.

Pelbagai perkembangan positif yang memberangsangkan dalam sektor pengangkutan ASEAN telah dapat dicapai oleh negara-negara anggota ASEAN hasil daripada mesyuarat-mesyuarat ini. Antaranya termasuk *Kuala Lumpur ASEAN Transport Strategic Plan* yang telah diterimapai oleh Menteri-Menteri Pengangkutan ASEAN bagi menyokong usaha negara-negara ASEAN untuk merealisasikan visi *ASEAN Economic Community* pada tahun 2025.

Selain itu, beberapa komitmen dan rundingan dengan negara-negara anggota telah dimuktamadkan pada mesyuarat kali ini. Ini termasuk *Protocol to Implement the Ninth Package of Air Transport Services Commitments under the AFAS* bagi maksud meliberalisasikan perkhidmatan sokongan pengangkutan udara di rantau ASEAN. Mesyuarat ini juga telah menerima pakai *ASEAN Declaration on Road Safety Strategy* dan *ASEAN Regional Road Safety Strategy* yang menandakan pencapaian penting dalam meningkatkan kerjasama keselamatan jalan raya di rantau ini.





Jawatankuasa STOM – ATM bergambar bersama YBhg Dato' Seri KSU selepas majlis perasmian Mesyuarat Ke-40 Pegawai-Pegawai Kanan Pengangkutan ASEAN

### **Penganjuran Langkawi International Maritime and Aviation Exhibition (LIMA)**

Pameran LIMA '15 yang telah berlangsung pada 17 hingga 21 Mac 2015 adalah pameran yang ke-13 dalam siri penganjurannya. Pameran LIMA dianjurkan secara dwi tahunan sejak tahun 1991 dalam memperkasakan sektor industri pertahanan nasional dengan rangkaian kerjasama sektor industri pertahanan antarabangsa. Penganjuran LIMA dilaksanakan secara kerjasama awam dan swasta melalui pembiayaan bersama dan perkongsian tanggungjawab antara Kementerian Pertahanan bagi pihak Kerajaan dengan syarikat HW LIMA.

LIMA '15 kali ini berbeza daripada penganjuran LIMA yang terdahulu di mana perubahan dari segi format penganjuran dengan memberikan tumpuan khusus kepada pengisian aktiviti-aktiviti sektor pengangkutan komersial udara dan maritim selain daripada ketenteraan. Oleh yang demikian, buat julung kalinya Kementerian Pengangkutan telah meningkatkan peranan ke arah mengembangkan

sektor komersial untuk LIMA '15 seperti mana peranan yang dimainkan oleh Kementerian Pertahanan terhadap sektor pertahanan untuk LIMA.

Penglibatan aktiviti pengangkutan udara dan maritim sektor komersial pada LIMA 15' adalah bertujuan bagi memastikan penganjuran LIMA akan terus berdaya saing dan mampu meningkatkan imej dan profilnya untuk dilihat setanding dengan pameran-pameran udara antarabangsa. Sebelum ini sektor pertahanan merupakan komponen utama dalam setiap pameran LIMA sejak mula dianjurkan pada tahun 1991. Walau bagaimanapun perkembangan semasa menuntut pendekatan komersial bagi membolehkan LIMA menonjol dan bersaing dengan pameran-pameran antarabangsa seperti *Paris Airshow*, *Farnborough Airshow*, *Internationale Luft- und Raumfahrt ausstellung (ILA)*, *Berlin Air Show*, *Dubai Airshow* dan *Singapore Airshow*. Kepelbagaian tarikan pada LIMA 15 ini telah dapat menarik jumlah penyertaan yang tinggi daripada pempamer sektor komersial dan menggalakkan kehadiran syarikat-syarikat antarabangsa. Sebagai bukti, LIMA edisi ke-

15 pada kali ini telah mendapat pujian daripada YAB Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak sebagai yang terbaik sejak edisi pertama pada tahun 1991, yang menyaksikan penyertaan pecah rekod, 512 syarikat dari 36 negara. Ketika merasmikan pembukaan LIMA '15, beliau berkata bilangan penyertaan kali ini mengatasi jumlah 433 syarikat yang menyertai pameran itu, dua tahun lalu.

Selain acara Persidangan Ketua-Ketua Penerbangan dan Mesyuarat Meja Bulat Panglima Tentera Laut,

Kementerian Pengangkutan telah menganjurkan Persidangan Penerbangan ASEAN sebagai acara tarikan terbesar sektor penerbangan komersial yang menghimpunkan ahli-ahli profesional dan pakar sektor penerbangan dari seluruh pelusuk negara. Lebih khusus lagi, bagi sektor perniagaan, *Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT)* telah mengadakan forum terbuka mengenai kedua-dua sektor penerbangan dan sektor maritim.



YB Menteri Pengangkutan bersama Ketua Pegawai Operasi Air Asia, Tan Sri Tony Fernandez



YB Menteri Pengangkutan tiba di Majlis Perasmian LIMA '15



Antara tetamu kenamaan yang turut hadir semasa perasmian LIMA '15



YAB Perdana Menteri merasmikan LIMA '15



YAB Perdana Menteri melawat pameran Kementerian Pengangkutan dan Jabatan/Agensi Bawah MOT



Gimik Majlis Perasmian LIMA '15



Ucapan perasmian ASEAN Aviation Summit oleh YB Menteri







BAHAGIAN  
**PENTADBIRAN DAN KEWANGAN**


# BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

## Latar Belakang

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan (BPK) bertanggungjawab dalam pengurusan belanjawan, perolehan, aset, kewangan dan pentadbiran Kementerian Pengangkutan dan Jabatan / Agensi di bawahnya. Disamping itu, BPK juga bertanggungjawab terhadap pengurusan pembayaran dan pengawalan perbelanjaan mengurus dan


pembangunan serta pengurusan hal-hal kehilangan, pelupusan dan hapuskira harta benda kerajaan, pengurusan hal-hal tender dan kontrak, perlantikan juruperunding dan kontraktor, perolehan kerja, perkhidmatan dan pembekalan barang-barang di bawah bidang kuasa Kementerian, Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi di bawah Kementerian.

## PERUNTUKAN MENGURUS



Peruntukan Mengurus Tahun 2015

## PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS 2015



Prestasi Perbelanjaan Mengurus Tahun 2015


## PENCAPAIAN UNIT BELANJAWAN

- Diluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM304 juta di bawah Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2015 pada bulan Disember 2015.




Pencapaian Unit Belanjawan

## PERUNTUKAN TAMBAHAN MOF - RM304 JUTA



Peruntukan Tambahan Tahun 2015

## PENGAGIHAN SEMULA PENJIMATAN DALAMAN RM32.1



Pengagihan Semula Penjimatan Dalam

## INISIATIF SEMAKAN SEMULA KADAR FI




Inisiatif semakan semula kadar fi yang dikenakan kepada pengguna dan anggaran peningkatan kutipan hasil sebanyak RM1.33 bilion yang telah mendapat persetujuan YB Menteri Pengangkutan dan Kementerian Kewangan.



Inisiatif Semakan Semula Kadar FI





BAHAGIAN  
**AKAUN**

# BAHAGIAN AKAUN

## Latar Belakang

Bahagian Akaun (BA) berfungsi sepenuhnya sebagai Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS) pada bulan September 2006. Objektif utama BA diwujudkan adalah untuk memastikan pelaksanaan pengurusan perakaunan Kementerian Pengangkutan Malaysia berjalan dengan cekap, berkesan dan bertanggungjawab. BA telah menjalankan lima (5) fungsi utama yang merangkumi fungsi Perakaunan Pengurusan, Perakaunan Kewangan, Perundingan, Pemantauan serta Pentadbiran dan Kewangan.

## Program Utama dan Pencapaian Sepanjang Tahun 2015

### i) Prestasi Pemprosesan Baucar Bayaran Bahagian Akaun

BA bertanggungjawab memproses baucar bayaran dari 12 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah Kementerian ini. Sepanjang tahun 2015, BA telah memproses 99.85% atau 36,369 baucar dalam tempoh 0-4 hari kalendar manakala hanya 0.15% atau 55 baucar bayaran sahaja diproses melebihi empat (4) hari kalendar. Pencapaian ini telah melebihi sasaran KPI yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) iaitu sebanyak 95% baucar bayaran perlu diproses dalam tempoh empat (4) hari dari tarikh diterima di dalam *Government Financial And Management Accounting System (GFMAS)*.

### ii) Prestasi Pembayaran Melalui *Electronic Fund Transfer (EFT)*

Proses pembayaran menjadi lebih cekap dengan pelaksanaan pembayaran melalui *Electronic Fund Transfer (EFT)*. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah menetapkan setiap Pejabat Perakaunan mencapai sekurang-kurangnya 95% transaksi secara EFT daripada jumlah keseluruhan transaksi bayaran. BA telah berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan dengan melaksanakan 98.55% bayaran secara EFT daripada jumlah keseluruhan baucar.

### iii) Prestasi Pembayaran Bil dan Tuntutan Kementerian Pengangkutan

Jumlah pembayaran bil pada tahun 2015 adalah sebanyak 94,529 bil dengan pembayaran bil bagi tempoh 1-14 hari adalah sebanyak 94,308 bil atau 99.77%, manakala pembayaran bil melebihi 14 hari mencatat jumlah 221 bil dengan peratusan sebanyak 0.23%. Secara keseluruhannya, Jabatan Keselamatan Jalan Raya telah berjaya mencapai prestasi cemerlang dengan purata prestasi 99.28% iaitu melebihi 98% untuk pemprosesan pembayaran bil dan tuntutan dalam tempoh tujuh (7) hari bagi tahun 2015.

Prestasi pembayaran bil dan tuntutan keseluruhan Kementerian ini bagi tahun 2015 adalah seperti Jadual 1 di bawah:



Jadual 1: Prestasi Pembayaran Bil Bagi Bulan Januari Hingga Disember 2015

Bil.	Bulan	1 – 7 Hari		8 – 14 Hari		Lebih 14 Hari		Jumlah	
		Bil.	RM	Bil.	RM	Bil.	RM	Bil.	RM
1.	Januari	896	10,397,199.70	2	6,150.00	3	959.00	901	10,404,308.70
2.	Februari	5,205	67,589,400.01	182	351,299.47	51	8,753	5,438	67,949,452.73
3.	Mac	8,040	1,324,024,101.11	372	3,853,367.34	15	68,759	8,427	1,327,946,227.65
4.	April	7,813	97,990,000.33	467	16,888,956.59	17	35,457	8,297	114,914,414.25
5.	Mei	6,775	149,133,655.09	446	7,520,253.53	21	76,535	7,242	156,730,443.80
6.	Jun	8,248	73,108,122.94	456	6,833,014.09	19	85,183	8,723	80,026,319.67
7.	Julai	7,822	240,837,388.75	287	3,686,127.72	15	556,955	8,124	245,080,471.58
8.	Ogos	6,014	63,042,066.89	360	25,981,992.23	9	38,615	6,383	89,062,674.50
9.	September	7,702	118,759,041.60	391	1,434,670.51	13	76,692	8,106	120,270,403.74
10.	Oktober	8,278	178,174,747.26	409	1,436,487.59	20	884,635	8,707	180,495,869.75
11.	November	8,038	68,341,925.32	271	1,345,364.63	8	5,803	8,317	69,693,093.20
12.	Disember	15,498	620,593,464.28	336	7,812,014.15	30	56,853	15,864	628,462,331.73
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>90,329</b>	<b>3,011,991,113.28</b>	<b>3,979</b>	<b>77,149,697.85</b>	<b>221</b>	<b>1,895,200.17</b>	<b>94,529</b>	<b>3,091,036,011.30</b>

iv) Prestasi Kutipan Terimaan Kementerian Pengangkutan Malaysia

BA telah mengakaunkan kutipan terimaan hasil Kementerian bagi tahun 2015 sebanyak RM3.85 bilion dengan hasil terbanyak dikutip oleh Jabatan Pengangkutan Jalan berjumlah RM3.71 bilion, diikuti Jabatan Penerbangan Awam (RM57.01 juta), Jabatan Laut Malaysia (RM28.88 juta), Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Pengangkutan (RM55.21 juta) dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (RM78,876.13).

v) Pelaksanaan Naziran Sistem Perancangan dan Kawalan Bajet Elektronik (eSPKB)

Pada tahun 2015, Pasukan Naziran eSPKB BA telah melaksanakan lawatan Naziran eSPKB ke atas semua 10 Pusat Tanggungjawab

(PTJ) di bawah Kementerian ini di sekitar Lembah Klang. Lawatan naziran ini diadakan bagi memastikan PTJ mematuhi peraturan kewangan yang berkuatkuasa.

vi) Pelaksanaan Audit Terimaan Ke Atas Pusat Pemungut Di Bawah Kementerian Pengangkutan

Sepanjang tahun 2015, Unit Audit Terimaan telah melaksanakan penyemakan ke atas 2,364 dokumen terimaan yang diterima daripada 191 Pejabat Pemungut di bawah Kementerian Pengangkutan. Unit Audit Terimaan juga telah melaksanakan 10 lawatan naziran terimaan di Pejabat Pemungut terpilih bagi memastikan tatacara terimaan mematuhi peraturan kewangan yang berkuatkuasa serta tiada penyelewengan wang awam.

## Pelaksanaan Perakaunan Akruan

BA dengan kerjasama JANM telah menganjurkan Kursus Perakaunan Akruan- Pemahaman kepada

Manual Perakaunan Akruan mengikut zon seperti Jadual 2 di bawah.


Jadual 2: Kursus Perakaunan Akruan

Bil.	Zon	Tarikh	Tempat
1.	Selatan	14 Mei 2015	Lembaga Pelabuhan Pasir Gudang, Johor
2.	Borneo	28 Mei 2015	Lembaga Pelabuhan Bintulu, Sarawak
3.	Tengah	11 Jun 2015	Kementerian Pengangkutan, Putrajaya
4.	Timur	04 Ogos 2015	Lembaga Pelabuhan Kuantan, Pahang
5.	Utara	18 Ogos 2015	Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang

Di samping itu, bagi menyediakan pelaporan kewangan yang tepat selaras dengan Pelaksanaan Perakaunan Akruan, pengumpulan data baki awal aset dan liabiliti telah diadakan. Tujuan utama pengumpulan data baki awal aset dan liabiliti ini adalah untuk memastikan BA membuat semakan awal dan seterusnya memastikan kelengkapan dan

ketepatan pada setiap data baki awal aset dan liabiliti yang diperolehi. Status terkini bagi pengumpulan data Aset Tak Alih (ATA), Aset Alih (AA), Aset under Construction (AUC), Akaun Belum Bayar (ABB) dan Akaun Belum Terima (ABT) pada 31 Disember 2015 adalah seperti berikut:

Carta 1: Status Pengumpulan Data Bagi Aset Tak Alih (ATA)



JABATAN	BAKI AWAL ATA
BA, MOT	
BPK	1,260,111,800.00
JLM	1,327,056,923.49
JPJ	1,278,619,716.00
DCA	40,229,666,946.00
JKJR	
<b>JUMLAH</b>	<b>44,095,455,385.49</b>

Carta 2: Status Pengumpulan Data Bagi Aset Alih (AA)




JABATAN	BAKI AWAL AA
BA, MOT	
BPK	4,014,120.70
JLM	258,781,582.85
JPJ	405,089,367.62
DCA	60,580,139.18
JKJR	3,096,170.20
<b>JUMLAH</b>	<b>731,561,380.55</b>

Carta 3: Status Pengumpulan Data Bagi Asset Under Construction (AUC)




JABATAN	BAKI AWAL AUC
BA, MOT	
BPK	493,161,567.74
JLM	2,709,950.00
JPJ	282,026,816.50
DCA	64,005,408.32
JKJR	
<b>JUMLAH</b>	<b>841,903,743.56</b>

Carta 4: Status Pengumpulan Data Bagi Akaun Belum Bayar (ABB)



JABATAN	BAKI AWAL ABB
BA, MOT	2,447,401.58
BPK	72,792,481.92
JLM	3,101,919.73
JPJ	854,954.28
DCA	130,105.00
JKJR	
<b>JUMLAH</b>	<b>79,326,862.51</b>


Carta 5: Status Pengumpulan Data Bagi Akaun Belum Terima (ABT)



JABATAN	BAKI AWAL ABT
BA, MOT	
BPK	11,810,372.68
JLM	937,192.31
JPJ	125,370.78
DCA	13,392,491.11
JKJR	
<b>JUMLAH</b>	<b>26,265,426.88</b>







BAHAGIAN  
PEMBANGUNAN

# BAHAGIAN PEMBANGUNAN


## Latar Belakang

Bahagian Pembangunan berfungsi untuk mengurus perancangan dan pembangunan Rancangan Malaysia Lima Tahun bagi sektor darat, udara dan maritim, memantau sistem maklumat projek-projek pembangunan Kementerian, menilai keberkesanan penyelarasan dan pengawasan dalam pelaksanaan projek; menyemak anggaran belanjawan pembangunan RMLT (*Mid Term Review*), menyelaraskan dan membantu Jabatan/Agensi berkaitan permohonan dan isu - isu tanah dan membantu pegawai pembangunan di Kementerian dan Jabatan memiliki kompetensi tertentu bagi melaksanakan tugas-tugas pembangunan dengan mengadakan bengkel projek dan tanah setiap tahun.

## Program-Program yang Dilaksanakan Pada Tahun 2015

- i) Lawatan ke Menara Kawalan Trafik Udara (Tower Best), Kuala Lumpur International Airport 2 (KLIA2)

Bahagian Pembangunan (BP) telah menganjurkan satu lawatan ke Menara Kawalan Trafik Udara yang dikenali sebagai *Tower West* di Klia2 pada 18 Ogos 2015 (Selasa) dari jam 2.00 petang hingga jam 5.00 petang. *Tower West* dioperasikan oleh Jabatan Penerbangan Malaysia (DCA) Cawangan KLIA. Ia terletak di terminal Klia2 yang baharu. Seramai 25 orang pegawai dan kakitangan Bahagian Pembangunan menyertai lawatan ke menara tersebut.



Maklumat Menara dan Pengiktirafan Sebagai Menara Kawalan Udara Tertinggi Di Dunia



Tujuan lawatan ini diadakan adalah sebagai salah satu kaedah “*knowledge sharing*.” Ia memberikan pendedahan kepada pegawai serta kakitangan Bahagian Pembangunan tentang pengurusan pendaratan dan penerbangan kapal udara, pengurusan laluan trafik udara dan sistem-sistem yang digunakan di lapangan terbang antarabangsa.

Pihak DCA telah memberikan taklimat ringkas berhubung pengurusan trafik udara dan tentang sistem-sistem yang digunakan. Taklimat ringkas turut disambung di Bilik Kawalan Trafik Udara (ATC) dan peserta didedahkan dengan peralatan dan visual secara *hands-on* oleh pegawai trafik udara.



Taklimat oleh Pegawai Trafik Udara



Pemandangan daripada Menara Trafik Udara



Taklimat sambungan di Menara Trafik Udara



Taklimat sambungan di Menara Trafik Udara

- ii) Lawatan Kerja Turun Padang Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan ke Projek-Projek Pembangunan Di Bawah Kementerian Pengangkutan

Bagi memastikan projek-projek di bawah Kementerian berjalan lancar dan mengikut jadual serta bagi menyelesaikan masalah-

masalah dan isu-isu yang berbangkit dalam pelaksanaan projek, Y.Bhg. Datuk Sri KSU MOT telah melakukan beberapa siri lawatan turun padang untuk melihat dan memantau sendiri projek-projek yang sedang dalam pelaksanaan sebagaimana berikut:

- a) Lawatan ke Lapangan Terbang Miri, Sarawak pada 12 Februari 2015 (Khamis).



b) Lawatan ke Projek Depoh Kempas Baru, Johor pada 14 April 2015 (Selasa).



c) Lawatan ke Park & Ride Salak Tinggi, Sepang pada 25 Ogos 2015 (Selasa).



d) Lawatan ke Projek Instrument Landing System (ILS), KLIA pada 25 Ogos 2015 (Selasa).



e) Lawatan ke Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh, Perak pada 20 Oktober 2015 (Selasa).



f) Lawatan ke Terminal Kargo, Ipoh, Perak pada 20 Oktober 2015 (Selasa).











BAHAGIAN  
**PENGURUSAN MAKLUMAT**

# BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

## Latar Belakang

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) berfungsi untuk mengenalpasti keperluan, menyelaraskan dan melaksanakan projek-projek ICT di Kementerian, menyelaraskan dan melaksanakan program-program EG di peringkat Kementerian dan memantau dan menyelaraskan projek-projek ICT agensi-agensi di bawah Kementerian. Selain itu, BPM juga menyediakan kemudahan infrastruktur ICT yang *reliable* dan *secured* di samping merancang, membangun dan menyelenggara sistem aplikasi Kementerian dan melaksanakan program latihan dan pembudayaan ICT serta menyediakan khidmat nasihat dalam bidang ICT.

## Pencapaian Tahun 2015

### i. Prestasi Perbelanjaan Mengurus BPM

BPM sentiasa memastikan peruntukan mengurus sentiasa dibajetkan dan dibelanjakan berdasarkan keperluan yang dirancang pada setiap tahun. Sebanyak RM 1,744,623.94 dari RM 1,744,625.00 atau 99 peratus jumlah peruntukan telah dibelanjakan pada tahun semasa meliputi bayaran emolumen dan elaun-elaun tetap, perolehan perkakasan dan perisian ICT, penyelenggaraan ICT serta dan Lesen-lesen ICT yang perlu diperbaharui setiap tahun.

### ii. Program dan Aktiviti BPM

#### a) Perolehan ICT

Perolehan ICT telah dilaksanakan mengikut keperluan dan perancangan yang telah dibuat, dan telah mendapat kelulusan daripada pihak pengurusan MOT. Perolehan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

Bil	Jenis Perolehan	Kaedah Perolehan	Kos Sebenar Perolehan RM (Termasuk GST)
1	Anti Virus Eset (3 Tahun)	Sebut Harga	40,280.00
2	Pembaharuan Lesen Keselamatan ICT (2 Tahun)	Sebut Harga eBidding	336,232.00
3	Pembaharuan Perisian Microsoft MLA (3 Tahun)	Perolehan terus secara Kontrak Pusat	1,050,058.26

#### b) Serangan Siber ke atas agensi-agensi MOT

Selepas insiden Kehilangan MH370 dan kemalangan MH17, MOT telah menerima impak secara langsung apabila serangan siber telah dilancarkan oleh pihak luar ke atas infrastruktur ICT Sektor Pengangkutan Negara termasuk MOT dan agensi-agensi di bawah MOT. Terdapat beberapa siri insiden serangan siber telah dilaporkan ke atas agensi-agensi di bawah MOT yang mana pihak BPM telah mengambil tindakan proaktif dengan membuka bilik gerakan 24 jam sepanjang serangan siber tersebut. Laporan sektoral dari semasa ke semasa kepada pihak pengurusan MOT dan pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah dilaksanakan bagi memastikan serangan tersebut memberikan impak yang minimum ke atas agensi-agensi berkenaan. Insiden serangan siber ini telah dapat ditangani dengan baik hasil koordinasi dan kerjasama berpasukan yang wujud di kalangan ahli pasukan *Computer Emergency Response Team (CERTMOT)* dan *Computer Security Incident Response Team (CSIRTMOT)* yang dianggotai oleh Pegawai BPM MOT dan agensi-agensi di bawah MOT

### c) **Kursus-Kursus ICT**

MOT juga telah melaksanakan kursus-kursus teknikal pensijilan Microsoft (Microsoft Certified) hasil kerjasama dengan pihak Prestariang Sdn Bhd dan disertai

oleh 274 orang peserta dari pelbagai agensi Kerajaan termasuk badan berkanun di Bilik Latihan ICT Aras 7 MOT. Kursus-Kursus pensijilan Teknikal ICT yang diadakan adalah sebagaimana berikut:

Sesi	Nama Kursus	Tarikh Mula Kursus	Tarikh Akhir Kursus	Tempoh (Hari)	Jumlah Peserta
01	Module 20480 - Programming in HTML5 with JavaScript and CSS3	26 Jan 2015	30 Jan 2015	5	20
02	Microsoft Specialist - Visual Studio (JavaScript & CSS3) - Exam 70-480	9 Feb 2015	10 Feb 2015	3	15
03	Module 20488B: Developing Microsoft SharePoint Server 2013 Core Solution	24 Feb 2015	2 Mac 2015	5	15
04	Exam 70-488: Developing Microsoft SharePoint Server 2013 Core Solutions	3 Mac 2015	4 Mac 2015	3	15
05	Module 20489B: Developing Microsoft SharePoint Server 2013 Advanced Solutions	9 Mac 2015	13 Mac 2015	5	15
06	Exam 70-489: Developing Microsoft SharePoint Server 2013 Advanced Solutions	16 Mac 2015	17 Mac 2015	3	15
07	Module 20486B: Developing ASP.NET MVC 4 Web Applications	13 Apr 2015	17 Apr 2015	5	15
08	Exam 70-486: Developing ASP.NET MVC Web Applications	20 Apr 2015	21 Apr 2015	3	15
09	Microsoft Word 2013 Step by Step - Central	27 Apr 2015	29 Apr 2015	3	24
010	MOS: Using Microsoft Office Word 2013 - Central	7 Mei 2015	8 Mei 2015	3	15
011	Microsoft Project 2013	11 Mei 2015	13 Mei 2015	3	15
012	Exam 74-343: Managing Projects with Microsoft Project 2013	14 Mei 2015	15 Mei 2015	3	15
013	Microsoft Excel 2013 Step by Step - Central	18 Mei 2015	20 Mei 2015	3	25
014	MOS: Using Microsoft Office Excel 2013 - Central	21 Mei 2015	22 Mei 2015	3	15
015	Microsoft PowerPoint 2013 Step by Step - Central	25 Mei 2015	27 Mei 2015	3	25
016	MOS: Using Microsoft Office PowerPoint 2013 - Central	28 Mei 2015	29 Mei 2015	3	15





BIRO SIASATAN  
**KEMALANGAN UDARA**



# BIRO SIASATAN KEMALANGAN UDARA

## Latar Belakang

Biro Siasatan Kemalangan Udara (BSKU) bertanggungjawab untuk menjalankan penyiasatan keselamatan bebas yang melibatkan semua kejadian dan kemalangan udara yang berlaku melibatkan pesawat awam yang berdaftar di Malaysia dan juga pesawat asing yang berdaftar. BSKU juga mengambil bahagian dalam penyiasatan insiden dan kemalangan udara di luar negara yang melibatkan pesawat udara awam yang berdaftar di Malaysia selaras dengan Konvensyen Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO).

BSKU juga menjalankan tugas-tugas pencegahan kemalangan udara melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan secara berterusan. Biro ini akan menyimpan semua rekod dan data mengenai kes-kes daripada semua kejadian dan kemalangan udara yang berlaku di Malaysia dan luar negara yang melibatkan pesawat awam yang berdaftar di Malaysia. Biro ini juga menjalankan kajian ke atas kes-kes insiden dan kemalangan udara yang telah berlaku dan apa-apa pemerhatian dan langkah-langkah dari segi penambahbaikan keselamatan akan dicadangkan kepada pihak yang berkenaan untuk memperbaiki kelemahan yang dikenal pasti bagi mengelakkan berlakunya kejadian dan kemalangan pada masa hadapan.

Data Insiden / Kemalangan Udara Tahun 2015

Tarikh	Jenis Pesawat	Tempat Kejadian	Ringkasan Kejadian
10.03.2015	A330-300	SYDNEY AUSTRALIA	Kegagalan system navigasi pesawat
14.03.2015	A330-323	MELBOURNE AUSTRALIA	Hentakan kuat semasa pendaratan
04.04.2015	AS365N3	SEMENYIH	Terhempas semasa penerbangan
28.05.2015	BELL206 III	KOTA KINABALU	Terhempas semasa latihan penerbangan
28.05.2015	ATR 72	PULAU PENANG	Kebakaran enjin
12.06.2015	A330-300	MELBOURNE AUSTRALIA	Amaran kebakaran enjin
08.07.2015	DHC6-400	MUKAH	Sayap pesawat dilanggar oleh pesawat lain di lapangan terbang
10.07.2015	DHC6-400	MIRI	Pintu pesawat terbuka semasa penerbangan
27.07.2015	CESSNA 172	SUBANG AIRPORT	Hentakan kuat semasa pendaratan
13.08.2015	DHC6-400	BINTULU AIRPORT	Keretakan cermin di dek penerbangan
26.08.2015	DHC6-400	MUKAH	Tersasar semasa mendarat
15.09.2015	PA28-161	KOTA BHARU	Tersasar semasa mendarat
26.10.2015	DHC6-400	MUKAH	Tayar pecah semasa mendarat
15.11.2015	PA 32	PULAU PANGKOR	Kegagalan enjin semasa berlepas
20.11.2015	PA 28-181	SENAI	Kegagalan enjin semasa penerbangan
30.11.2015	A320	LANGKAWI	Asap di dalam kargo



## Aktiviti-Aktiviti BSKU


- i) Gambar semasa penyiasatan Kemalangan helicopter 9M-IGB



BSKU bersama KSU MOT dan penyiasat dari Perancis di hangar Polis Gerakan Udara di Sg. Besi.



BSKU menjalankan penyiasatan di kawasan Sekolah Ladang Kota Bahagia, Muadzam Shah.



Sebahagian dari ekor pesawat yang terhempas.



Sesi soal jawab bersama media berkenaan kes kemalangan pesawat 9M-IGB.



Proses membawa keluar Gearbox pesawat dari kawasan kemalangan.



Khidmat DRONE digunakan dalam operasi pencarian serpihan pesawat.



**MOT INFO INTEGRITI**

**PATUHI WAKTU BEKERJA YANG TELAH DITETAPKAN**

Seseorang Pegawai Tidak Boleh Tidak Berfungsijawab (Peraturan 4(2) (g), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib 1993)

**JAUHI PERKARA-PERKARA YANG BOLEH MENJEJASKAN INTEGRITI ANDA SEBAGAI PEGAWAI AWAM SEPERTI BERIKUT :**

- BERADA DI KOMPLEKS MEMBELI BELAH PADA WAKTU PEJABAT
- MAKAN & MINUM DI KAFETERIA / MEDAN SELERA PADA WAKTU PEJABAT
- LEWAT MASUK KE PEJABAT & KELUAR AWAL DARI WAKTU YANG TELAH DITETAPKAN

**PATUHI WAKTU BEKERJA ANDA!!**

PILIHAN WAKTU (WP)	TEMPOH WAKTU BERTUGAS	WAKTU REHAT
WP1	7.30 PG - 4.30 PTG	ISNIN - KHAMIS 1.00 TGH - 2.00 PTG
WP2	8.00 PG - 5.00 PTG	JUMAAT 12.15 TGH - 2.45 PTG
WP3	8.30 PG - 5.30 PTG	

**Demi Masa.**  
*Sesungguhnya Manusia Dalam Kerugian,  
 Melainkan Orang-orang Yang Beriman & Beramal Saleh & Yang Berpuasa penuh Kepada Kebenaran. Serta Kesabaran.*

Surah Al'An'am : 1-3 UNIT INTEGRITI

**MOT INFO INTEGRITI**  
UNIT INTEGRITI

**TIDAK HADIR BERTUGAS**

Seseorang pegawai yang tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah boleh menyebabkan pegawai itu dikenakan tindakan tatatertib.

**PERATURAN 24**  
Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993

**TIDAK HADIR BERTUGAS**

- TERLAKUKAN HURUF & TAMPAT DOKUMEN
- TIDAK HADIR TANPA BERTUGAS BERSEKUTU & TIDAK DAPAT DIFESAL
- TIDAK HADIR BUNDAK MEMPUNYAI GIGI SAKSI / MEMODURKAN SAKSI CURI SAKSI PALSU
- TIDAK HADIR PADA MASA & TEMPAT YANG DITETAPKAN (PONTING HOKIA)

**MOT INFO INTEGRITI**  
UNIT INTEGRITI

**Info integriti**

**GANGGUAN SEKSUAL SATU KESALAHAN**

SEBARANG PERBUATAN BERSIFAT SEKSUAL YANG BOLEH MENYEBABKAN SESOORANG TERSINGGUNG, TERHINA / TERUGUT BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB

[PERATURAN 4A, PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN & TATATERTIB) 1993]

**ELAKKAN :**

- BERCERITA / JENAKA LUCAH
- BUAT ISYARAT LUCAH
- MENYENTUH ANGGOTA SENSETIF BADAN

"Dan jenghailah kesusu mendekati zina; sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji. Dan suatu jalan yang buruk."  
 (AL-BALAD, ayat 21)

**MOT INFO INTEGRITI**  
UNIT INTEGRITI

**Info integriti**

**JAGALAH IMEJ PERKHIDMATAN AWAM**

(Peraturan 4(2) (d), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993)

JANGAN MELAKUKAN PERKARA-PERKARA YANG BOLEH MEMBURUKKAN & MENCEMARKAN NAMA BAIK PERKHIDMATAN AWAM SEPERTI :

- MENERIMA & MEMBERI RASUAH
- TERLIBAT DENGAN KESALAHAN JENAYAH MAHKAMAH SYARIAH
- TERLIBAT DALAM PENYALAHGUNAAN DADAH BERKHALWAT, BERKELAKUAN SUMBANG MELAKUKAN GANGGUAN SEKSUAL

"Tidak ada sesuatu pun yang lebih berat dalam timbangan seorang Mukmin pada Hari Kiamat nanti selain aldiak ma'la. Sesungguhnya Allah membenci orang yang berbuat keji dan berkata-kata keji."  
 (HR: AL TIRMIZI)

**MOT INFO INTEGRITI**  
UNIT INTEGRITI

**JANGAN SUKA BERHUTANG**

**KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS ADALAH SUATU KESALAHAN TATATERTIB**  
 (peraturan 13, peraturan-peraturan pegawai awam (kelakuan & tatatertib) 1993)

**ANDA BERADA DALAM KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS JIKA :**

- AGREGAT HUTANG & NILAI TANGGUNGAN TIDAK BERKAGAR MELEBIHI 10 KALI EMOLUMEN BULANAN
- TELAH DIPERINTKAN MAHKAMAH UNTUK MEMBAKAR HUTANG & TIDAK MENELASKANNYA DALAM TEMPOR 1 BULAN
- SEORANG YANG BANKRAP & PEMAKAN GAJI YANG TIDAK BERKEMAMPUAN

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ التَّجَرُّ وَالْقَسْرِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْخَيْنِ وَالْبَخْلِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ غَلْبَةِ الْغَنِيِّ وَقَهْرِ الرِّجَالِ

"Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada Engkau dari perasaan resah dan sedih. Aku berlindung kepada Engkau dari sifat lemah dan malas. Aku berlindung kepada Engkau dari sifat pengecut dan kedekut. Dan aku berlindung kepada Engkau dari belenggu hutang dan kekerasan manusia."

UNIT INTEGRITI

# UNIT INTEGRITI

## Latar Belakang

Penubuhan Unit Integriti, Kementerian Pengangkutan merupakan usaha kawalan dalaman untuk menguruskan integriti dalam organisasi. Unit ini bertanggungjawab untuk melaksanakan enam (6) fungsi teras iaitu Tadbir Urus, Pengukuhan Integriti, Pengesanan dan Pengesahan, Pengurusan Aduan, Pematuhan dan Tatatertib.

Objektif penubuhan Unit Integriti Kementerian Pengangkutan adalah untuk menyatupadukan semua pengurusan hal-hal yang berkaitan dengan integriti di bawah sebuah unit yang khusus. Ianya juga bertujuan supaya hal-hal berkaitan Integriti dapat dilaksanakan secara lebih fokus dan terancang agar elemen penginstitutionan integriti, pencegahan, pematuhan dan pengesanan salah laku dapat dikuatkuasakan secara efisien dan mencapai keberhasilan yang optimum.



## Pencapaian Tahun 2015

Pada tahun 2015, Unit Integriti telah melaksanakan program-program seperti berikut:

1. Bengkel Pengurusan Dan Keselamatan Dokumen sebanyak 2 siri telah diadakan pada 11 Mac 2015 (Siri 1) dan 2 April 2015 (Siri 2) di bilik latihan Aras 7, MOT di mana seramai 35 orang peserta telah terlibat.
2. Bengkel Pengurusan Risiko yang diadakan di Bilik Mesyuarat Utama Bahagian Pembangunan, Aras 7 MOT yang melibatkan 25 orang peserta.
3. Program Bicara Integriti Sempena Hari Integriti telah diadakan pada 24 November 2015 yang melibatkan seramai 40 orang peserta di bilik aktiviti BPSM, Aras 6, MOT.
4. Majlis menandatangani *Corporate Integrity Pledge* (CIP) telah diadakan pada 12 Oktober 2015 di Dewan Utama MOT, Aras 2.
5. Bacaan Ikrar Perakuan oleh penjawat awam berkenaan dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 yang diadakan pada 9 Februari 2016 di Dewan Serbaguna MOT.
6. Forum Integriti: "Korban Kasih" telah diadakan pada 21 September 2015 yang telah diadakan di Dewan Serbaguna MOT yang dihadiri lebih kurang 100 orang peserta.
7. Hebahan Info Integriti melalui emel kepada kakitangan dibuat sepanjang tahun.
8. Majlis bacaan Yasin dibuat sempena menyambut bulan Ramadhan 1436H/2015 dan bacaan Yasin Tahليل bulanan.
9. Ceramah Integriti sebanyak sebelas (11) siri telah diadakan di Dewan Serbaguna MOT yang melibatkan kakitangan MOT, Jabatan dan Agensi dibawahnya.
10. Menjalankan pemeriksaan pematuhan terhadap prosedur pengutipan hasil di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Cawangan Lahad Datu, Sabah pada 10 September 2015.
11. Menjalankan pemeriksaan mengejut terhadap kawalan terimaan dan pengendalian dokumen terkawal di JPJ Negeri Perak pada 20 Oktober 2015, JPJ Negeri Johor pada 8 November 2015 dan JPJ Negeri Kelantan pada 16 Desember 2015.

## Gambar-Gambar Aktiviti / Program

1. Program Forum Integriti : Korban Kasih pada 21 September 2015







2. Ceramah Khas Integriti : Amalan dan Penerapan oleh Sheikh Mohamed bin Abdul Aziz Mahmoud Ghonim pada 10 Mac 2015



3. Majlis Menandatangani *Corporate Integrity Pledge* Pada 12 Oktober 2015









UNIT  
**KOMUNIKASI KORPORAT**

# UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## Latar Belakang

Unit Komunikasi Korporat (UKK) berperanan sebagai *focul point* Kementerian dalam penyampaian dan penyaluran maklumat, peningkatan imej korporat kementerian, perhubungan awam dan media serta pengurusan aduan.

## Pencapaian 2015

### i. Program Hari Bertemu Pelanggan (HBP)

Unit Komunikasi Korporat bertanggungjawab ke atas pelaksanaan program Hari Bertemu

Pelanggan (HBP) peringkat Kementerian dengan kerjasama Jabatan / Agensi di bawah Kementerian yang menjadi tuan rumah secara bergilir-gilir. Program turun padang ini bertujuan untuk bersemuka dan berinteraksi secara terus dengan pelanggan-pelanggan Kementerian. Pengisian program ini termasuklah pameran, penerangan mengenai dasar-dasar dan perkhidmatan Kementerian termasuk khidmat nasihat dan aduan pelanggan bagi membolehkan maklum balas di terima secara terus. Sebanyak dua belas (12) Jabatan / Agensi di bawah Kementerian terlibat di sepanjang HBP berlangsung.

#### Pelaksanaan HBP Sepanjang Tahun 2015

BIL.	TUAN RUMAH	TARIKH	TEMPAT
1	Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)	1 Mac 2015	Mydin Mall, Jelapang, Ipoh, Perak
2	Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR)	28 Mac 2015	Urban Transformation Centre (UTC), Kuching, Sarawak
3	Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS)	25 April 2015	Terminal Bersepadu Bandar Tasik Selatan (TBS), Kuala Lumpur
4	Institut Maritim Malaysia (MIMA)	9 Mei 2015	Terengganu Trade Centre (TTC), Kuala Terengganu, Terengganu
5	Perbadanan Aset Keretapi (PAK)	30 Mei 2015	Urban Transformation Centre (UTC), Alor Setar, Kedah
6	Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)	6 Jun 2015	Plaza Sentosa, Johor Baharu, Johor
7	Jabatan Laut Malaysia (JLM)	Ogos 2015	Perkarangan Rumah Api Fort Cornwallis, Pulau Pinang
8	Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB)	30 September 2015	Lembaga Pelabuhan Bintulu, Sarawak
9	Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ)	17 – 18 Oktober 2015	Galeria, Kotaraya Shopping Mall, Johor Baharu, Johor
10.	Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP)	19 Disember 2015	Mydin Mall Bertam, Pulau Pinang

Program Hari Bertemu Pelanggan Di Lembaga Pelabuhan Bintulu, Sarawak pada September 2015



Program Hari Bertemu Pelanggan Di Plaza Sentosa, Johor Bharu, Johor pada Jun 2015



Program Hari Bertemu Pelanggan di Urban Transformation Centre (UTC) Kuching, Sarawak Pada April 2015



## ii. Penerbitan

UKK juga bertanggungjawab dalam menyediakan bahan-bahan penerbitan seperti Buletin MOT, advertorial/iklan melalui media cetak, Laporan Tahunan Kementerian, bahan pameran dan sebagainya. Bahan-bahan ini diedarkan kepada orang ramai semasa program Hari Bertemu Pelanggan, pameran dan juga lawatan.

## iii. Pengurusan Media

Mewujudkan hubungan yang baik dengan pihak media merupakan salah satu fungsi utama UKK. Pihak media sering dijemput untuk membuat liputan bagi majlis-majlis / program-program yang dianjurkan oleh Kementerian / Jabatan / Agensi. Di samping itu, ia juga merupakan satu pendekatan bagi UKK untuk menghebahkan

tentang perkara-perkara baru mengenai Kementerian merangkumi hal-hal berkaitan polisi, undang-undang, projek-projek pembangunan, inisiatif-inisiatif baru yang bertujuan untuk kepentingan dan faedah orang ramai. Sehubungan itu, pihak media sentiasa dianggap sebagai rakan kepada Kementerian.

Selain dari itu, bagi merapatkan lagi jaringan komunikasi dan silaturrahim di antara Kementerian / Jabatan / Agensi dengan pihak media samada media elektronik atau media cetak, UKK juga telah melaksanakan program lawatan ke agensi media. Pada tahun 2015, UKK telah mengadakan program lawatan ke Jabatan Penyiaran Malaysia (Radio Televisyen Malaysia) bagi melihat secara lebih dekat pengoperasian televisyen dan radio dan juga untuk merapatkan hubungan dengan pihak RTM.

Lawatan Ke Jabatan Penyiaran Malaysia, Wisma Radio, Angkasapuri, Kuala Lumpur pada Disember 2015








**iv. Pengurusan Maklum Balas Pelanggan**


Bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan adalah yang terbaik, setiap aduan, pertanyaan dan cadangan yang diterima akan dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Aduan Kementerian Pengangkutan Bersama Jabatan/Agensi yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan). Mesyuarat ini diadakan sebanyak dua (2) kali setahun.

Kementerian telah menerima aduan daripada pelbagai saluran iaitu daripada Biro Pengaduan Awam, suratkhabar, PEMUDAH, kaunter khidmat pelanggan, Program Hari Bertemu Pelanggan, surat/faks, emel, telefon, *Short Messaging System (SMS)* dan Laman Web Kementerian.


**Penyelesaian Aduan Tahun 2015**



**Penyelesaian Pertanyaan Tahun 2015**



**Penerimaan Maklum Balas Pelanggan Tahun 2015**







---

**Kementerian Pengangkutan Malaysia**

No. 26, Jalan Tun Hussein, Presint 4,  
62100 W.P. Putrajaya

Tel : 03-8000 8000  
Fax : 03-8888 0158  
Email : [aduan@mot.gov.my](mailto:aduan@mot.gov.my)